

BAB KETIGA

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

3.0 PENDAHULUAN

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah sebuah angkatan yang terdiri daripada tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM)¹. ATM pada awalnya dikenali sebagai Angkatan Tentera Persekutuan² yang diasaskan oleh Tentera British³. Apabila Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963 maka, nama Angkatan Tentera Persekutuan ditukar kepada Angkatan Tentera Malaysia. Pada tahun 1967, pihak British telah menyerahkan sepenuhnya pentadbiran dan pengurusan ATM kepada Kerajaan Malaysia. Bermula dari detik itu ATM telah ditadbir sepenuhnya oleh anak watan⁴.

Kewujudan kumpulan komunis di negara ini selama kira-kira 60 tahun semenjak tahun 1930-an telah menjaskan pembangunan ATM. Sepanjang sejarahnya yang gemilang, perhatian utama ATM ditumpukan pada peperangan melawan insurgensi (CIW) menentang komunis. Justeru itu, ancaman komunis ketika darurat⁵ merupakan pengaruh yang besar terhadap penentuan bentuk dan saiz ATM. Ini sudah tentu

1 BTDM (Buletin Tentera Darat Malaysia) Bil. 182, Jan-Mac 2009, Markas Tentera Darat, Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur, h.9.

2 Artikel daripada SOROTAN DARAT, Jilid 2, Bil.16 (September 1989).

3 R. Emerson (1937), *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*. New York: The MacMilan Company, h.73.

4 International Law Book Services (2003), *Malaysia Kita*, Direct Art Company, Kuala Lumpur, h.93.

5 Mohd Reduan Asri (2008), *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.29

mengakibatkan pembangunan ATM yang tidak seimbang⁶. Daripada tiga komponen ATM, Tentera Darat lebih membangun berbanding dua perkhidmatan yang lain iaitu Tentera Laut dan Tentera Udara pada ketika itu ditugaskan untuk memberi bantuan rapat dalam operasi di darat sehingga menjelaskan peranan utama masing-masing dalam pertahanan laut dan pertahanan udara.

3.1 DETIK-DETIK AWAL ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Pada 1 Mac 1933,⁷ sekumpulan 25 orang pemuda Melayu yang berminat dan berdedikasi telah diambil berkhidmat untuk menubuhkan Skuad Percubaan Pertama Rejimen Askar Melayu di Port Dickson, Negeri Sembilan⁸. Pencapaian yang tidak pernah berlaku ini adalah hasil desakan beberapa orang kenamaan Melayu seperti Sultan Alang Iskandar Shah (Sultan Perak), Tuanku Muhamad Ibni Yam Tuan Antah (Raja Negeri Sembilan), Raja Chulan (Kerabat DiRaja Perak) dan Dato Abdullah Haji Dahan (Undang Luak Rembau)⁹. Penubuhan skuad ini menandakan detik permulaan sejarah Angkatan Tentera Malaysia yang bermula dengan penubuhan Tentera Darat Malaysia. Selepas menjalani latihan intensif selama 5 bulan, enam orang rekrut Skuad Percubaan Pertama telah dinaikkan ke pangkat Lans Koperal. Dengan prestasi mereka yang boleh dijadikan contoh dan keupayaan menyesuaikan diri, rekrut Melayu ini telah menunjukkan kepada pihak British bahawa mereka berupaya melaksanakan peranan sebagai perajurit dan memikul segala tanggungjawab tentera. Bertitik tolak dari pencapaian cemerlang ini,

6 Angkatan Tentera Malaysia (ATM) (1994), *Maruah dan Pengorbanan Angkatan Tentera Malaysia*, Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur, h.35.

7 Syed Othman Syed Omar (2005), *Rejimen Askar Melayu DiRaja*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

8 Khong Kim Hoong (2003), *Merdeka!*, Kuala Lumpur: Strategic Information and Research Development, h.5.

9 Urusetia RAMD, *Sejarah Rejimen Askar Melayu DiRaja 1933-1982*, Jabatan Arah dan Infantri, Markas Tentera Darat, Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur, h.2-3.

pihak British telah didorong untuk memperbesarkan lagi pasukan ini.¹⁰

Skuad Percubaan telah disahkan dengan rasminya melalui Rang Undang-Undang Rejimen Askar Melayu yang diluluskan oleh Majlis Persekutuan dalam bulan Januari 1933. Menjelang Jun 1934, skuad Percubaan ini telah bertambah bilangannya kepada 156 anggota. Skuad ini kemudiannya digelar Kompeni Percubaan Pertama Rejimen Askar Melayu. Pada 1 Februari 1935, seramai 232 orang perajurit telah masuk berkhidmat. Mereka ini dapat dibezakan daripada pasukan tentera yang lain di Malaya melalui pakaian seragam tiga warna (hijau, kuning dan merah) yang merupakan warna-warna Islam, Raja-Raja Melayu dan Tentera Darat British. Mereka menggunakan cogan kata “Taat Setia”. Daripada 25 orang yang mula-mula masuk berkhidmat, empat orang perajurit telah dikurniakan Tauliah DiRaja oleh King George V dari England pada 4 November 1936.¹¹

Dengan pengambilan rekrut secara besar-besaran, kekuatan Rejimen Askar Melayu kian meningkat. Justeru itu, pada 1 Januari 1938, Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu telah ditubuhkan dengan rasminya. Batalion ini terdiri daripada 17 pegawai British, 6 Pegawai Melayu, 11 Pegawai Waran dan 759 lain-lain pangkat. Mereka terbahagi kepada tiga kompeni raifal, satu kompeni bantuan (*machinegun*), markas kompeni, platoon depot khususnya untuk melatih rekrut serta platoon dram, semboyan, rintis gempur dan platoon kereta perisai.¹²

10 Raja Muhamad Affandi Raja Muhamad Noor (Mej. Jen. Dato) (2008), *Tentera Darat 1933-2008: Pengabdian, Perjuangan dan Pengorbanan*, Kuala Lumpur: Permai Padujaya Sdn. Bhd., h 25.

11 *Ibid*, h.26.

12 Syed Othman Syed Omar (2005), *op.cit*, h.135.

3.2 PERANG DUNIA KEDUA (1939–1945)

Dengan kebimbangan perang akan tercetus pada bila-bila masa sahaja di Eropah, pertahanan Malaya dan Timur Jauh tidak diberi perhatian serius oleh pihak British¹³. British sama sekali tidak menduga Jepun akan melancarkan serangan memandangkan Jepun sedang berperang dengan China selama empat tahun (1937–1941) dan sedang menghadapi persengketaan sempadan dengan Rusia. Panglima Pemerintahan Malaya, (*General Officer Commanding*) Leftenan General A.E Percival telah tersilap perhitungan dalam usaha mempertahankan Malaya dan Singapura.

Dalam bulan Julai 1941, Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu menjadi sebahagian daripada Briged Pertama Infantri Malaya yang baru ditubuhkan bersama dengan Batalion Kedua Rejimen DiRaja British dan Batalion Pertama Rejimen Jogra ke17 Tentera Darat India. Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu telah ditubuhkan pada 1 Disember 1941, enam hari sebelum Jepun mendarat di Singora, Patani dan Kota Bharu.¹⁴ Pendaratan tiga penjuru ini merupakan titik permulaan serangan Tentera Maharaja Jepun¹⁵ di bawah perintah Jeneral Yamashita yang berjaya melancarkan kempen tentera selama 70 hari di Malaya dan Singapura.

Pertempuran¹⁶ di Pasir Panjang, Singapura pada 14 Februari 1942 merupakan satu ujian hebat ke atas perajurit Melayu dan usia muda Rejimen Askar Melayu. Dalam pertempuran ini, pihak Jepun melancarkan serangan hasil dari bantuan penduduk

13 *Ibid*, h. 5.

14 J.Pluvier (9174), *Southeast Asia: From Colonialism to Independence*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, h.108.

15 Ramlah Adam (2000). *Burhanuddin Al-Helmy : Suatu Kemelut Politik*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h.20.

16 Aruna Gopinath (1993), *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

tempatan¹⁷ dan serangan dari hadapan ke atas Batalion yang ditempatkan di Pasir Panjang. Batalion Pertama dan Batalion Kedua menjadi sasaran serangan Jepun. Dengan serangan tentera Jepun yang bertubi-tubi dan hebat sekali itu, barisan pertahanan hadapan telah tumpas dan trup hadapan Batalion Kedua telah berundur ke Permatang Pasir Panjang.

Dalam pertempuran ini, Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu telah berjuang dengan penuh keberanian, menyerang musuh dengan bom tangan dan raifal, dibantu dengan tembakan mortar dan meriam. Memandangkan bilangan anggota dan jumlah senjata musuh lebih banyak, Batalion Kedua yang mengalami kekurangan anggota dan peluru terpaksa berundur. Jepun mengeksplorasi situasi taktik ini dengan melancarkan serangan besar-besaran. Batalion Askar Melayu terus bertahan, kebanyakan mereka mengorbankan nyawa untuk berjuang mempertahankan maruah negara hingga ke titisan darah terakhir.

Kejatuhan Malaya dan Singapura pada tahun 1942 mencatat sejarah sebagai salah satu kekalahan teruk Empayar British¹⁸. Sungguhpun malapetaka menimpa Malaya¹⁹ pada awal 1942, kedua-dua Batalion Rejimen Askar Melayu telah berjuang dengan gemilang dan berkorban untuk mempertahankan tanahair tercinta. Dalam menyanjung keberanian mereka, Brigadier J.R.G. Andre, Pegawai Memerintah Batalion Pertama semasa serangan Jepun, berkata dalam perutusan perpisahannya pada tahun 1952, “Saya

17 Mohamad Isa Othman (1992), *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h.2-3.

18 J. Pluvier, *op.cit*, h.197.

19 Yoji Akashi (1968), “Japanese Military Administration in Malaya”. Kertas kerja dibentangkan pada Konvensyen kedua berkenaan Sejarah Asia di Kuala Lumpur, h.2

*akan sentiasa mengenang kembali hari-hari yang getir ini dengan perasaan penuh bangga dan kasih sayang yang mendalam terhadap perajurit Melayu”.*²⁰

Kemusnahan Hiroshima dan Nagasaki oleh bom atom tatkala bulan Ogos 1945 menandakan berakhirnya Perang Dunia Kedua. Selepas perang, saki-baki Rejimen Askar Melayu dikumpul, disusun dan dilatih semula. Tetapi belum sempat mereka dapat menyesuaikan diri, suatu lagi ancaman baru tiba-tiba muncul dalam bentuk bahaya komunis.

3.2.1 Darurat Malaya Pertama (1948–1960)

Ancaman komunis²¹ di Malaya adalah sebahagian daripada kebangkitan Revolusi Komunis Antarabangsa yang melanda Eropah dan Asia dalam era selepas Perang Dunia Kedua.²² Parti Komunis Malaya (PKM) yang ditubuhkan dalam tahun 1930an, melancarkan rancangan ancaman politik dan keganasan di Malaya.

Pada 16 Jun 1948, PKM²³ telah melancarkan serangan pertama yang mengakibatkan Tanah Melayu diisythihar darurat pada 21 Jun 1948²⁴. Dalam kejadian ini, tiga pengurus estet bangsa Eropah telah dibunuh oleh pengganas komunis berhampiran Sungai Siput, Perak. Berikutan kejadian ini Pesuruhjaya Tinggi Malaya, Sir Edward Gent, mengisyiharkan darurat di seluruh Semenanjung Malaya. Mulai tarikh itu,

20 Nordin Yusof (Mej. Jen. Dato') & Abdul Razak Abdullah Baginda (1994), *op.cit.*, h. 5.

21 Siaw, L.K.L (1983), *Chinese Society in Rural Malaysia*, Kuala Lumpur : Oxford University Press.

22 *Ibid.*, h. 9.

23 Ahmad Boestamam (1972), *Merintis Jalan ke Puncak*, Kuala Lumpur : Pustaka Kejora, h.23-28.

24 Mohamad Salleh Lamry 2006, *Gerakan dan Tokoh Kiri*, Petaling Jaya : Strategic Information and Research Development, h.59.

peperangan melawan insurgensi terhadap PKM telah diisyiharkan. Komunis militan melancarkan kempen keganasan lengkap dengan senjata yang ditinggal oleh British dan Tentera Anti Jepun Rakyat Malaya atau MPAJA²⁵ (*Malayan Peoples' Anti-Japanese Army*) selepas Perang Dunia Kedua.

Untuk menentang ancaman komunis, Rejimen Askar Melayu telah diperbesarkan daripada tiga batalion kepada tujuh batalion. Pada tahun 1950-an, kesemua tujuh Batalion Rejimen Askar Melayu diletakkan di bawah kawalan Operasi Tentera Darat Timur Jauh British (*Far East Land Forces*) yang berpusat di Singapura dan Malaya Command yang berpangkalan di Kuala Lumpur. Semasa darurat ketika penjajahan²⁶, Batalion Rejimen Askar Melayu telah ditugaskan beroperasi berganding bahu dengan pasukan British dan pasukan Komanwel British lain dari Australia, New Zealand, Fiji dan negara-negara Komanwel Afrika yang lain.

Satu lagi peristiwa penting dalam perkembangan Tentera Darat Malaya ialah penubuhan unit-unit tentera berbilang kaum yang benar-benar mencerminkan masyarakat majmuk Malaya. Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu, General Gerald Templer dengan perkenan Raja-Raja Melayu telah memberi kelulusan bagi penubuhan unit-unit berbilang kaum ini. Sebagai permulaan, Rejimen Persekutuan (*Federation Regiment*) dan Skuadron Kereta Perisai Persekutuan (*Federation Scout Car Squadron*) telah ditubuhkan pada tahun 1952. Rejimen Persekutuan kemudiannya bergabung dengan Rejimen Kereta Perisai Persekutuan (asalnya Skuadron Kereta Perisai Persekutuan) untuk

25 O' Balance, E. (1966), *Malaya : The Communist Insurgent War 1948-60*, Hamden Conn : Anchor Books.

26 Burhanuddin al-Helmy, (1946), 'Perjuangan Kita', dlm. Kamaruddin Jaafar (1980), *Dr Burhanuddin al-Helmy: Islam dan Kebangsaan*, Petaling Jaya : Penerbitan Yayasan anda Sdn Bhd, h.42.

membentuk Kor Peninjau Persekutuan (*Federation Reconnaissance Regiment*) pada 1 Januari 1960.

Inilah kali pertama rakyat Malaya, tidak kira bangsa, warna kulit atau keturunan, hidup dan berlatih bersama-sama demi menyahut seruan mempertahankan negara. Hari ini, semua unit tentera yang lain, kecuali Batalion Askar Melayu adalah berciri berbilang kaum. Rejimen-10 yang diasaskan ketika awal perperangan persenjataan juga adalah berkonsepkan satu bangsa iaitu Melayu.²⁷

Dengan pembesaran Tentera Darat semasa darurat, Briged Infantri ke-2 telah ditubuhkan pada bulan Oktober 1955. Briged ini telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan operasi tentera menentang gerila komunis²⁸ di negeri-negeri Utara seperti Perak, Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu. Briged Infantri ke-3 telah ditubuhkan dalam tahun 1957 untuk membenteras ancaman komunis di negeri-negeri Selatan Semananjung.

Apabila negara mula mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Tentera Darat Malaya menjadi sebuah angkatan tentera yang berkembang maju dan dilengkapkan untuk menjalankan operasi melawan insurgensi. Mulai saat itu, Tentera Darat Malaya telah pesat dipermodenkan dengan penubuhan unit-unit bantuan tempur seperti Rejimen Semboyan, Rejimen Jurutera, Rejimen Artilleri dan Rejimen Kereta Perisai Persekutuan. Selain itu, unit bantuan perkhidmatan tempur seperti Kor Polis Tentera, Kor

27 Mohamed Salleh Lamry, *op.cit*, h.65.

28 Siaw, L.K.L, *op.cit*, h.66-68.

Perkhidmatan Am Persekutuan (gaji, kerani dan pelajaran), Kor Penyelenggaraan Angkatan Tentera (bekalan, pengangkutan, ordinan, kejuruteraan elektrik dan jentera) serta Pasukan Simpanan juga telah ditubuhkan.

Dalam proses penyerahan tanggungjawab kepada Malaya, Markas Tentera Darat Persekutuan mengambil alih pemerintahan operasi dan pentadbiran pasukannya sendiri daripada *British Malaya Command* yang kemudiannya dibubarkan. Ketika itu, sebahagian besar Semenanjung Malaya telah bebas daripada ancaman komunis. Dalam tahun 1960, darurat ditamatkan dan segerombolan kira-kira 500 saki-baki komunis lari mencari perlindungan di sempadan Malaysia-Thai.²⁹

3.2.2 Pengunduran British (1967)

Setelah hubungan dengan Indonesia pulih seperti sedia kala, Malaysia menghadapi satu cabaran baru iaitu bersiap sedia untuk mengambil alih sepenuhnya daripada British. Ini berlaku hasil daripada dasar British untuk berundur dari Timur Suez berkuatkuasa mulai Julai 1967.³⁰ Justeru itu, penyerahan tanggungjawab Angkatan Tentera kepada Malaysia dimulakan. Proses ini dilaksanakan dalam dua fasa dengan penubuhan Dua Divisyen Infantri, satu untuk Malaysia Timur dan satu lagi untuk Semenanjung Malaysia.³¹

Fasa pertama ialah untuk mengambil alih tanggungjawab operasi di Malaysia

29 Angkatan Tentera Malaysia (ATM) (1994), *op.cit*, h.12.

30 *The Times* (London), 20 Mac 1950, *The Daily Telegraph* (London), 21 Mac 1950, dan *Starits Times*, 20 Mac 1950.

31 *Ibid.*, h. 15.

Timur (Sarawak dan Sabah) daripada Markas Pengarah Operasi Borneo British (HQ DOBOP). Tanggungjawab ini telah diberi kepada Divisyen Pertama Infantri Malaysia yang telah ditubuhkan di Kuala Lumpur pada Julai 1966 sebelum dihantar ke Kuching, Sarawak. Mejari Jeneral Dato' Ibrahim Ismail menjadi pegawai Malaysia yang pertama memerintah Divisyen Malaysia yang baru ditubuhkan itu. Pada 12 Ogos 1966, beliau mengambil alih tanggungjawab operasi daripada Mejari Jeneral G.H Lea dari Markas HQ DOBOP yang bertukar keluar. Jawatan Pengarah Operasi Borneo British (DOBOP) British telah ditukarkan kepada DOPEM iaitu Pengarah Operasi Malaysia Timur.³²

Briged Ke-3 Infantri Malaysia yang dihantar ke Kuching pada 1966 mengambil alih daripada Briged Gurkha 99 (juga dikenali sebagai *West Brigade*) yang bertukar keluar. Pada masa yang sama, Briged Ke-5 Infantri Malaysia mengantikan *British East Brigade* di Tawau. Sebelum akhir 1966, proses penyerahan tanggungjawab kepada Malaysia di Sarawak dan Sabah telah selesai dilaksanakan tanpa sebarang masalah besar.

Fasa kedua dijalankan di Semenanjung Malaysia. Proses ini dimulakan dengan penubuhan Divisyen Ke-2 Infantri Malaysia pada Januari 1969. Pada mulanya, Markas Divisyen ini ditempatkan di Sungai Besi sebelum berpindah ke lokasi tetapnya di Pulau Pinang pada Januari 1982. Dua unit bantuan perkhidmatan tempur yang baru telah ditubuhkan dalam tempoh ini iaitu Kor Perubatan Angkatan Tentera Malaysia pada Mei 1967 dan Kor Perisikan Malaysia pada November 1969.

32 Urusetia RAMD, *op.cit*, h.38-39.

3.2.3 Kebangkitan Keganasan Komunis (1968 – 1989)

Dari 1968 hingga 1989,³³ kebangkitan kegiatan penganas komunis telah berlaku serta mencetuskan pergaduhan kaum³⁴ secara beransur-ansur di Semenanjung Malaysia.³⁵ Fenomena ini didorong oleh kejayaan Insurgensi Komunis yang hebat di Vietnam. Dari tempat persembunyian mereka di sempadan Malaysia-Thai, PKM telah menubuhkan “unit-unit gempur” yang besar dalam usaha untuk menimbulkan perasaan gentar dan menggugat kestabilan kerajaan sekali lagi. Peronda-peronda polis dan tentera telah diserang hendap dan jalan raya dipasang periuk api. Tahun 1974 hingga 1975 adalah tahun paling buruk dari segi insiden-insiden keganasan komunis semenjak 1948.³⁶

Dalam tempoh yang sering digelar sebagai “Darurat Kedua”, penganas komunis menerima pakai taktik-taktik baru Vietkong. Pertama ialah penubuhan gerila³⁷ bandar untuk menimbulkan rasa gentar penduduk-penduduk bandar, berbeza daripada Darurat Pertama, yang sebahagian besarnya tertumpu di hutan dan kawasan luar bandar. Dalam tempoh ini, gerila bandar komunis membunuh beberapa orang kenamaan antara lain termasuk ketua Polis Negeri Perak di Ipoh dan Timbalan Penguasa Polis di Kuala Lumpur. Kedua ialah mulanya penggunaan jerangkap samar yang telah mengakibatkan banyak kecederaan dan kematian anggota Pasukan Keselamatan.

Di Sarawak, pergerakan komunis adalah diarah oleh Parti Komunis Kalimantan

33 G. Hanharan (1971), *The Communist Struggle in Malaya*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h.59.

34 Cheah Boon Kheng 91979), *The Masked Comrades: A Study of the Communist united Front, 1945-48*, Singapore: times Boo International, h.74

35 *Ibid.*, h. 16.

36 Urusetia RAMD, *Tentera Darat Menentang Insurgensi Komunis 1968-1989*, Markas Tentera Darat, Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur, h.12.

37 Rujuk Kamus Dewan (Cetakan tahun 1994), h.398.

Utara (PKKU) yang meliputi tiga negeri iaitu Sarawak, Sabah dan Brunei. Tumpuan utama PKKU dipusatkan di Sarawak. PKKU menubuhkan dua unit tentera yang dikenali sebagai Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) dan Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS) untuk beroperasi di Sarawak. Ancaman komunis yang memuncak di Sarawak Tengah pada 1971, membawa kepada penubuhan Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rejang (RASCOM). Di bawah struktur pemerintahan bersekutu ini yang berpusat di Sibu, pihak tentera, polis dan awam telah digabungkan bagi memastikan operasi menentang pengganas komunis di kawasan Rejang dirancang dan diarah dengan sebaik mungkin.

Pada 1972, Malaysia dan Indonesia menandatangani Perjanjian Jawatankuasa Sempadan Am (GBC) bertujuan untuk membanteras ancaman komunis³⁸ di Sempadan Malaysia-Indonesia sepanjang 1,600 kilometer. Di bawah perjanjian ini, Angkatan Tentera Malaysia dan Tentera Nasional Indonesia (TNI) berjaya melancarkan kempen sempadan terhadap PGRS dan PARAKU. Kempen tentera bergabung di antara angkatan tentera kedua-dua negara merupakan tamparan hebat kepada pergerakan komunis di Sarawak. Ini mengakibatkan penyerahan diri unit PGRS pada hujung tahun 1973, hasil daripada Operasi Sri Aman.³⁹

Perjanjian GBC dengan Indonesia sangat berhasil sehingga modus operandi ini juga digunakan terhadap PKM di Semenanjung Malaysia. Dengan menggunakan contoh ini, Malaysia dan Thailand mengikat perjanjian GBC yang serupa dengan objektif

38 Lihat kenyataan Lee Kiu, ahli jawatankuasa perwakilan *Malayan People Anti-Japanese*(MPAJA), dicetak oleh akhbar Sin Chew Jit Poh pada 26 September 1945. BMA File PR/3/2.

39 Urusetia RAMD, *op.cit*, h.37.

yang sama iaitu menghapuskan PKM. Hasil daripada perjanjian ini, kesemua operasi telah bergabung dan diselaraskan di antara Angkatan Tentera Malaysia dan Angkatan Tentera DiRaja Thai di kawasan sempadan telah dilaksanakan. Kali ini, anggota komunis tersebut tidak ada lagi tempat berlindung. Pilihan yang tinggal hanyalah menyerah diri atau mati.

Justeru, PKM terpaksa berunding untuk berdamai. PKM telah menandatangani perjanjian damai pada 2 Disember 1989. Pada 17 Oktober 1990, satu lagi perjanjian damai telah ditandatangani dengan Parti Komunis Kalimantan Utara apabila unit PRAKU di Sarawak menyerah diri. Kedua-dua perjanjian damai ini menandakan berakhirnya secara rasmi ancaman komunis di Malaysia. Dengan termeterainya kedua-dua perjanjian sempadan dengan Indonesia dan Thailand, maka terkuburlah insurgensi komunis di Semenanjung Malaysia serta di Sarawak dan Sabah. Tahun 1990 merupakan bab terakhir pergerakan komunis yang seolah-olah tidak berkesudahan di Malaysia.⁴⁰

3.2.4 Angkatan Tentera Malaysia Konvensional

Lenyapnya komunisme di Malaysia pada 1990, diikuti dengan tamatnya Perang dingin pada 1991, menandakan titik mula era baru ATM. ATM kini memasuki era perubahan untuk menjadi suatu angkatan pejuang konvensional yang serba lengkap bagi menghadapi ancaman luar. Falsafah ini merupakan tumpuan dalam usaha Kerajaan merobah ketiga-tiga komponen ATM menjadi suatu angkatan yang disegani untuk

40 Angkatan Tentera Malaysia (ATM) (1994), *op.cit*, h.15.

menghadapi cabaran di abad ke-21.⁴¹ Proses pemodenan dan menjadikan ATM sebuah angkatan yang konvensional adalah hasil daripada keamanan, kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi negara yang dinikmati selepas Perang Dingin. Istilah “Konvensional” dikaitkan dengan perubahan organisasi dan doktrin manakala “pemodenan” pula disinonimkan dengan perolehan senjata dan peralatan yang berteknologi tinggi. Pembelian peralatan tentera bagi ATM adalah proses pemodenan yang semula jadi. Oleh itu, kedua-dua program pemodenan dan konvensional ATM adalah saling diperlukan.⁴²

Beberapa bidang telah dikenal pasti dalam usaha menjadikan ATM sebuah angkatan yang konvensional. Matlamat keseluruhannya adalah untuk membina ATM menjadi sebuah angkatan pejuang dan pencegah yang kredibel. Dari perspektif peperangan moden, ATM perlu dilihat sebagai suatu angkatan bergabung yang merangkumi aset-aset Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara yang beroperasi bersama-sama untuk memastikan kejayaan sebarang operasi terhadap apa jua bentuk ancaman luar. Dalam persekitaran peperangan konvensional akan datang, tidak lagi akan berlaku pertempuran perkhidmatan tunggal. Pertempuran akan seringkali berbentuk operasi bersama yang dilaksanakan oleh dua perkhidmatan atau lebih. Dalam hal ini, ATM dikonvensionalkan pada empat peringkat.⁴³

Peringkat pertama ialah pelaksanaan konsep “*Ministry of Defence (MINDEF Incorporated)*”. Wawasan falsafah “MINDEF Incorporated” adalah merupakan gagasan

41 Urusetia RAMD, *op.cit*, h.4.

42 *Ibid.*, h. 39.

43 *Ibid.*, h. 40.

Menteri Pertahanan, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Hj. Abd Razak untuk mengintegrasikan ketiga-tiga komponen ATM dengan komponen awam sebagai puncak pengurusan Kementerian Pertahanan (KEMENTAH). Penggabungan empat komponen utama ini adalah untuk memudahkan hubungan dan kerjasama yang lebih baik di antara ketiga-tiga perkhidmatan dengan semua markas ketiga-tiga perkhidmatan dan ketua komponen awam ditempatkan bersama di KEMENTAH untuk melaksanakan falsafah “MINDEF Incorporated”.⁴⁴

Peringkat kedua ialah penyusunan semula mekanisma pemerintahan dan kawalan ketiga-tiga komponen ATM di KEMENTAH. Kebanyakan jawatan tiga khidmat di Markas Angkatan Tentera Malaysia yang baru ditubuhkan adalah diisi oleh anggota-anggota dari ketiga-tiga perkhidmatan. Falsafah tiga khidmat ini adalah untuk mengintegrasikan ketiga-tiga komponen ATM dari atas ke bawah. Ini akan mewujudkan suatu persekitaran yang sihat untuk menghasilkan kecekapan dan persefahaman yang lebih baik dalam pengurusan operasi dan pentadbiran ketiga-tiga perkhidmatan ATM. Proses ini dilaksanakan berdasarkan kajian semula dan penubuhan elemen pemerintahan pada peringkat tertinggi iaitu:

- a. Markas ATM
- b. Markas Tentera Darat
- c. Markas Tentera Laut
- d. Markas Tentera Udara⁴⁵

⁴⁴ *Ibid.*, h. 40.

⁴⁵ *Ibid.*, h. 41.

3.3 STRUKTUR ORGANISASI ATM

Sepertimana organisasi normal yang lain, ATM juga mempunyai struktur organisasinya yang tersendiri. Pemerintah tertinggi ATM adalah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong. Baginda akan mengendalikan tugas ini atas nasihat kabinet yang diwakili oleh Menteri Pertahanan. Manakala Menteri Pertahanan pula bertanggungjawab kepada Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong serta keabinet mengenai semua keputusan dasar pertahanan serta menentukan agar dasar tersebut dilaksanakan sepenuhnya oleh ATM.⁴⁶

Di dalam Perkara Fasal 132 Perlembagaan Malaysia 1963, Majlis Angkatan Tentera Malaysia (MAT) adalah terdiri daripada seorang wakil Majlis Raja-Raja, Panglima Angkatan Tentera (PAT) dan kesemua panglima sama ada Darat, Laut dan Udara. Kuasa tertinggi ini bertanggungjawab memerintah, mengawal dan mentadbir ATM kecuali dalam hal-hal yang melibatkan gerakan keseluruhan yang sebenarnya. Tanggungjawab perancangan dan gerakan ini telah diwakilkan kepada Jawatankuasa Panglima-Panglima (JPP) yang dipengerusikan oleh PAT. Ia merupakan badan tertinggi profesi ketenteraan yang bertanggungjawab kepada Menteri Pertahanan mengenai semua hal gerakan yang berkaitan dengan Angkatan Tentera Malaysia.

46BTDM (Buletin Tentera Darat Malaysia) Bil. 179, Apr-Jun 2008, Markas Tentera Darat, Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur, h.5.

Struktur organisasi yang dikemukakan dalam Rajah 3.2 (Lihat Lampiran) merupakan struktur organisasi ATM tanpa melibatkan struktur organisasi awam yang turut wujud dalam Kementerian Pertahanan Malaysia⁴⁷. Pada hakikatnya, Markas ATM dibentuk untuk membantu PAT dan JPP dalam menentukan keupayaan mempertahankan kedaulatan dan kepentingan strategik negara sejajar dengan Dasar Pertahanan Negara. Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP) merupakan sumber utama bagi aspek perisikan pertahanan untuk ATM. Di dalam struktur organisasi Kementerian Pertahanan, BSPP merupakan salah satu daripada Bahagian Staf Perkhidmatan Bersama. Bahagian ini bertanggungjawab kepada Menteri Pertahanan dalam aspek yang berkaitan dengan perisikan dan keselamatan. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga adalah sebuah angkatan yang terdiri daripada tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) serta ianya turut diketuai oleh Panglima-Panglima setiap perkhidmatan. Di sini, markas setiap perkhidmatan dibentuk di dalam usaha membantu Panglima-Panglima setiap perkhidmatan dalam merealisasikan misi dan visi yang telah diwujudkan.

3.4 TENTERA DARAT MALAYSIA

Tentera Darat Malaysia disusun mengikut kumpulan-kumpulan tertentu sesuai dengan peranan yang dimainkan oleh unit-unit yang terlibat.⁴⁸ Peranan perintah ditugaskan kepada Markas Tentera Darat yang bertanggungjawab ke atas perancangan,

⁴⁷ *Kor Agama Angkatan Tentera* (2005), *Di Persada Kegemilangan*, Sel Penerbitan KAGAT, KEMENTAH h 3.

⁴⁸ Raja Muhamad Affandi Raja Muhamad Noor (Mej. Jen. Dato) (2008), *op.cit.*, h. 64.

pentadbiran dan pengurusan Tentera Darat. Secara keseluruhan, Tentera Darat Malaysia diterajui oleh Panglima Tentera Darat yang ber pangkat Jeneral. Beliau dibantu oleh pegawai-pegawai kanan seperti Pengarah Perisikan dan juga oleh pengarah-pengarah Rejimen dan Kor. Beliau bertanggungjawab menasihati Panglima Angkatan Bersenjata mengenai perkara-perkara keselamatan dan perihal kesediaan Tentera Darat. Hierarki pemerintahan Tentera Darat adalah seperti berikut⁴⁹:

3.4.1 Markas Medan TD

Diketuai Panglima ber pangkat Leftenan Jeneral dan mempunyai elemen tempur sebanyak 4 Divisyen dan dibantu oleh elemen-elemen bantuan seperti Artileri, Semboyan, Polis Tentera, Askar Jurutera dan sebagainya. Markas Medan merupakan formasi tempur paling besar di dalam Tentera Darat Malaysia ketika ini. Pada masa ini, Tentera Darat Malaysia mempunyai 1 Markas Medan yang bertanggungjawab untuk pertahanan darat di Semenanjung Malaysia.⁵⁰

3.4.2 Divisyen

Unit tempur Divisyen merupakan pasukan tempur kedua paling besar di dalam Tentera Darat Malaysia.⁵¹ Divisyen biasanya mempunyai anggota antara 10,000 sehingga 20,000 orang mengikut peranan dan kelengkapan yang dibekalkan. Divisyen di dalam Tentera Darat Malaysia adalah dari jenis Divisyen Infantri yang mana sebilangan besar

49 http://ms.wikipedia.org/wiki/tentera_darat_malaysia.

50 http://ms.wikipedia.org/wiki/markas_medan_tentera_darat.

51 <http://ms.wikipedia.org/wiki/divisyen>.

anggotanya terdiri daripada pasukan infantri. Divisyen biasanya mempunyai kekuatan 3 briged tempur dan disokong oleh pasukan bantuan tempur seperti Artileri, Semboyan, Polis Tentera, Askar Jurutera dan juga oleh pasukan bantuan seperti Pasukan Kesihatan dan KAGAT. Dalam Tentera Darat Malaysia kini terdapat 4 buah Divisyen yang dikenali dengan **1 Divisyen Infantri**, **2 Divisyen Infantri**, **3 Divisyen Infantri** dan **4 Divisyen Infantri**. Biasanya, unit ini dipanggil dengan ringkasan **1 Div**, **2 Div**, **3 Div** dan **4 Div** sahaja.

3.4.3 Briged

Briged adalah satu formasi tempur di dalam Tentera Darat Malaysia dan biasanya mempunyai kekuatan 3 batalion ataupun rejimen. Sesuatu Briged akan mempunyai elemen bantuan seperti Artileri, Semboyan, Polis Tentera, Risik, Jurutera dan Detasmen Bantuan Ringan Kor Jurutera Letrik dan Jentera serta diketuai oleh seorang Brigadier Jeneral.⁵²

3.4.4 Batalion atau Rejimen

Batalion adalah satu pasukan tentera yang mempunyai dua hingga enam Kompeni. Biasanya batalion diperintah oleh seorang Leftenan Kolonel. Batalion mempunyai kekuatan anggota lebih kurang 720 anggota, walaupun bilangan anggota berubah mengikut peranan dan kelengkapan unit tersebut.⁵³ Di dalam Tentera Darat

52 <http://ms.wikipedia.org/wiki/briged>.

53 http://ms.wikipedia.org/wiki/rejimen_askar_melayu_diraja.

Malaysia, batalion digunakan untuk panggilan unit-unit di dalam pasukan infantri seperti Rejimen Askar Melayu DiRaja, Rejimen Renjer DiRaja, Pasukan Kor Kesihatan DiRaja dan Kor Risik DiRaja juga dikumpulan mengikut batalion lain-lain kor menggunakan panggilan Rejimen dan bukannya batalion. Batalion infantri disusunkan melalui kelengkapan dan latihannya menjadi salah satu daripada kebanyakan batalion di dalam Tentera Darat Malaysia menjadi:

a. Batalion Infantri Standard.

Pasukan infantri standard bergerak ke medan tempur sama ada dengan berjalan kaki (infantri) ataupun dengan menggunakan lori tentera, ataupun kemudahan pengangkutan yang lain. Pasukan infantri standard dilengkapkan dengan raifel tempur peribadi mengikut kumpulan tempur, Kompeni dan Batalion. Anggota infantri bersenjatakan raifel tempur akan dibantu oleh anggota-anggota yang bersenjatakan kelengkapan yang lebih berat seperti LMG, GPMG, Mortar dan roket penangkis kereta kebal.

b. Batalion Infantri Para.

Batalion ini melakukan penggerakan menggunakan payung terjun untuk masuk ke medan pertempuran. Apabila mendarat, mereka beroperasi seperti pasukan infantri biasa. Oleh kerana mereka bergerak menggunakan pesawat udara dan had muatan berat amat terhad, Batalion Infantri Para mempunyai kelengkapan tempur ringan sahaja dan tidak

mempunyai bantuan kelengkapan berat. Oleh kerana tugas mereka memerlukan mereka untuk terjun memasuki medan tempur di dalam kawasan operasi yang berada di dalam kawalan pihak musuh, anggota Batalion Infantri Para perlu mempunyai kekuatan mental yang kental dan tahap kecergasan fizikal yang amat tinggi. ‘*Airborne*’ menjadi teriakan kebanggaan pasukan Infantri Para.

c. Batalion Infantri Mekanis

Menjalankan operasi menggunakan kenderaan tempur (berperisai). Batalion Mekanis bergerak sebagai sebahagian daripada kumpulan gabungan tempur (*combined arms*) dan mencari, mendekati dan memusnahkan musuh dengan menggunakan kenderaan berperisai. Apabila bertempur, Infantri Mekanis akan keluar daripada kenderaan perisai mereka dan bertempur seperti infantri biasa. Kenderaan perisai yang mengangkut Infantri Mekanis menggunakan kelengkapan senjata seperti mesingan dan meriam 20mm untuk memberikan bantuan tembakan terus.

d. Batalion Infantri Istiadat

Mempunyai peranan yang sama seperti Batalion Infantri Standard tetapi semasa aman diberikan tugas utama mengadakan kawalan kehormatan yang merupakan satu kemegahan negara serta menyediakan anggota untuk kawalan di Istana Negara.⁵⁴ Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu DiRaja adalah sebuah Batalion Infantri Istiadat. Peranan tempur ditugaskan kepada formasi-formasi medan. Formasi tempur disusun

⁵⁴ http://ms.wikipedia.org/batalion_infantri_istiadat.

mengikut saiz dan peranan. Pasukan Tentera Darat Malaysia boleh dikelaskan dalam 3 kumpulan mengikut peranan seperti berikut:

- a. Elemen Tempur
- b. Elemen Bantuan Tempur
- c. Eleman Bantuan

Pasukan Tentera Darat dikumpulkan dalam formasi tertentu untuk membolehkan fungsi perintah dan kawalan dibuat dengan berkesan. Formasi ini mempunyai peranan tertentu dan mempunyai kawasan operasi yang ditetapkan supaya tidak terdapat pertindihan kawasan operasi yang boleh mengakibatkan kekeliruan dan kemalangan.

3.4.5 Kompeni, Skuadran dan Bateri

Dalam Tentera Darat Malaysia, Batalion Infantri mempunyai 3 kompeni infantri dan disokong oleh sebuah Kompeni Markas dan sebuah Kompeni Bantuan.⁵⁵ Setiap Kompeni mempunyai 3 Platun dan disokong oleh satu elemen Kompeni Markas (Perintah). Satu Kompeni biasanya diperintah oleh seorang Mejar ataupun Kapten. Kompeni Markas juga mempunyai Sarjan Mejar Kompeni untuk membantu Ketua Kompeni dalam urusan pentadbiran. Kompeni Bantuan dilengkapkan dengan peralatan senjata yang lebih berat seperti mesingan, mortar dan penangkis kereta kebal. Kompeni Bantuan juga mempunyai anggota dengan kepakaran tertentu seperti peninjau, penembak tepat dan perisik medan. Rejimen Artileri menggunakan terma Bateri dan Rejimen

⁵⁵ http://ms.wikipedia.org/wiki/tentera_darat_malaysia.

Semboyan, Jurutera, Armor menggunakan terma Skaudron untuk pasukan-pasukan tahap kompeni di dalam organisasi.

Platun adalah satu unit kecil yang menjadi asas pembentukan formasi yang lebih besar di dalam Tentera Darat Malaysia, malahan semua pasukan tentera. Dalam pasukan tentera, satu platun ialah unit yang mempunyai tiga puluh hingga empat puluh orang anggota dan pada lazimnya diperintah oleh seorang Leftenan ataupun Leftenan Muda dan dibantu oleh seorang pegawai tanpa tauliah (Senior NCO). Platun seterusnya dipecahkan menjadi 3 atau 4 seksyen ataupun skuad dengan satu seksyen bertindak selaku Skuad Markas. Ketua Platun lazimnya berada di Seksyen Markas. Kebiasaannya, 3 ataupun 4 Platun digabungkan untuk menjadi satu Kompeni dalam platun Infantri, anggota platun bergerak masuk ke medan tempur dan bergerak di dalam medan tempur dengan berjalan kaki (asal nama infantri). Namun demikian, ada Platun khusus yang diberikan kelengkapan berbeza daripada platun infantri dan bertindak memberikan bantuan kepada Platun Infantri. Platun Bantuan boleh dilengkapkan dengan mortar, senjata berat (mesingan), roket penangkis kereta kebal dan sebagainya. Platun khas juga boleh dibentuk untuk menempatkan kumpulan pakar seperti askar peninjau (*scout*), penembak tepat (*sniper*) dan risik gempur (*combat intelligence*). Platun dalam Tentera Darat Malaysia biasanya dianggotai oleh 34 orang anggota, dan dibahagikan menjadi 4 seksyen, di mana setiap seksyen mempunyai 8 orang anggota. Salah satu daripada 4 seksyen di dalam platun akan dijadikan Seksyen Markas dan mengambil peranan memberi perintah kepada keseluruhan platun. Ketua platun biasanya seorang Leftenan

Muda ataupun leftenan dan dibantu oleh Sarjan Platon. Jika platon dipecahkan, Sarjan Platon akan mengambil perintah satu daripada pasukan yang dipecahkan tadi.

3.5 SEJARAH PENUBUHAN 21 RAMD

Batalion Ke-21 Rajimen Askar Melayu DiRaja telah ditubuhkan di Jabatanarah Infantri, KEMENTAH pada 1 Januari 1978.⁵⁶ Markas Batalion telah ditubuhkan dan dibuka di Kem Bentong pada 1 Oktober 1978.⁵⁷ Pada 2 Oktober 1978, Kompeni A dan B telah ditubuhkan. Ini diikuti dengan penubuhan Kompeni C dan D pada awal Januari 1979. Kompeni A dan B telah diiktiraf sebagai “Operational” pada 26 Mac 1979. Manakala, Batalion tersebut telah diiktiraf tahap “Operational” sepenuhnya pada 5 Mei 1979. Pegawai Memerintah yang pertama batalion tersebut iaitu Leftenan Kolonel Mohd Nawawi bin Haji Yusoff (12215) dibantu oleh Kapten Jamal Husni bin Ismail dan Leftenan Shahrir bin Kassim sebagai Ajutan serta Leftenan (KM) Jamaluddin bin Md Shariff sebagai Kuarter Master. Mereka merupakan tonggak utama sebagai pengasas penubuhan Batalion ini.⁵⁸ Pada 22 September 1978, seramai 172 rekrut dari PULADA telah ditukarkan ke-21 RAMD diikuti pada akhir Disember 1978, seramai 155 orang rekrut dari PLR, Port Dickson ditukarkan ke batalion tersebut.

Markas Nukleus 21 RAMD telah berpindah dari Jabatanarah Infantri ke Wade Wing, KEMENTAH pada 20 April 1978. Tinjauan dan kajian untuk penempatan 21

56 KP/TD/ATUR/4680 Jil 5 bertarikh 05 Disember 1978.

57 Minit Mesyuarat Penubuhan Batalion Ke-21 RAMD Kali Pertama di Bilik Mesyuarat BTTD bertarikh 09 Ogos 1978. Lihat juga Minit Mesyuarat Penubuhan Batalion Ke-21 RAMD Kali KeDua di Bilik Mesyuarat BTTD bertarikh 23 Ogos 1978.

58 Minit Mesyuarat Pegawai Memerintah Batalion Ke-21 RAMD Kali Pertama di Bilik Mesyuarat Markas Batalion bertarikh 10 Oktober 1978.

RAMD di Kem Bentong telah dilaksanakan oleh Kolonel Shah Mohd Amin (Pengarah Infantri) dan Pegawai Memerintah pada 16 Ogos 1978. Markas Batalion mula dibuka di Kem Bentong pada awal bulan Oktober 1978. Kem Bentong pada ketika itu menempatkan Markas Taktikal 4 Briged. Oleh itu, Kompeni A dan B selepas penubuhannya pada 2 Oktober 1978 telah ditempatkan di Kem Mentakab, Pahang untuk mengikuti latihan lajutan. Kem Bentong secara rasminya diserahkan kepada 21 RAMD pada 15 Disember 1978 dan setelah itu, pada 17 Disember 1978, Kompeni A dan B telah ditempatkan semula di Kem Bentong.

Pada 10 November 1981,⁵⁹ kumpulan pendahuluan pasukan telah bergerak di Kem Kukusan, Tawau, Sabah untuk tujuan pindah alih. KDYMM Pemangku Sultan Pahang telah berkenan berangkat ke upacara perbarisan perpisahan di Kem Bentong pada 11 November 1981. Pergerakan kumpulan besar menaiki Kapal Sang Fajar ke Tawau telah dilaksanakan pada 19 November 1981. Setelah berkhidmat selama satu tahun di Sabah, pada 18 November 1982, kumpulan pendahuluan batalion telah berlepas dari Tawau dengan menaiki Pesawat C 130 untuk tujuan pindah alih dari Kem Tawau ke Kem Tebrau, Johor Bharu, Johor. Kumpulan besar telah berlepas pada 26 dan 27 November 1982 dan mereka telah disambut oleh Warga 28 RAMD. Batalion tersebut telah melaksanakan latihan pertamanya iaitu Latihan JENGKING yang telah dilaksanakan di PULADA, Johor pada 5 Mei 1979. Operasi pertama disertai oleh Operasi HANCOR di kawasan Bentong dan Raub, Pahang mulai 7 Ogos hingga 26 Oktober 1979.⁶⁰

⁵⁹ Minit Mesyuarat JKP RAMD ke-44 di Bilik Mesyuarat Wisma Perwira, KEMENTAH Kuala Lumpur bertarikh 22 Apr 1981.

⁶⁰ Pahlawan RAMD 1933-2008, Jabatan Arah dan Infantri, Markas Tentera Darat, Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur, h.116.

Leftenan Kolonel Mohd Nawawi bin Haji Yusof (12215) telah dilantik sebagai Pegawai Memerintah yang pertama batalion tersebut. Pemerintah batalion tersebut diambil alih pula oleh Leftenan Kolonel Jusoh bin Daud (12347) sebagai Pegawai Memerintah yang kedua pada 10 April 1980. Pada 11 Jun 1980, pemerintah batalion diambil alih oleh Leftenan Kolonel Hashim bin Abd Karim (12422) sebagai Pegawai Memerintah ketiga. Beliau menerajui batalion tersebut sehingga 1 Januari 1983.

Tanggal 16 Disember 1981 merupakan tarikh dan detik-detik yang sukar dilupakan oleh batalion tersebut apabila pada jam 1000 malam, anggota-anggota bujang telah berkumpul beramai-ramai menunjuk perasaan di hadapan rumah Pegawai Memerintah (Leftenan Kolonel Hashim bin Karim). Ekoran peristiwa itu, pada 1 Januari 1983, Batalion Ke-21 RAMD, telah ditukarkan menjadi Batalion Bantuan di PULADA. Anggota-anggota asal Batalion Ke-21 RAMD telah ditukarkan ke Batalion Bantuan PULADA dan kebanyakkan mereka diserapkan terus ke unit-unit seperti 15 RAMD, 16 RAMD dan 23 RAMD serta pasukan-pasukan yang lain. Peristiwa itu juga membawa perubahan kepada 28 RAMD yang ditukarkan designasinya menjadi 21 RAMD yang baru. Hanya segelintir anggota asal 21 RAMD (Lama) diserapkan Ke-21 RAMD (Baru).⁶¹

Pada 2 Januari 1980, 28 RAMD telah ditubuhkan di Wide Wing, KEMENTAH. Penubuhan 28 RAMD telah diasaskan oleh seramai 12 orang anggota yang telah diketuai oleh Leftenan (KM) Lahadzir bin Ahmad (3001362). Mereka adalah seperti berikut:

⁶¹ Temubual bersama Lt. Kol Nazari bin Haji Atan, Mantan Pegawai Memerintah 21-RAMD di KEMENTAH Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur bertarikh 28 Nov 2005

- a. 18904 Sjn Jamari bin Haron
- b. 16611 Sjn Maiseh bin Enchin
- c. 16832 Kpl Mustafa bin Mohd
- d. 18451 Kpl Nor Hashim bin Shamsudin
- e. 18693 Kpl Yaakub bin Salleh
- f. 928701 Kpl Abdul Rashid bin Lazim
- g. 26511 Kpl Abd Rahim bin Desa
- i. 19640 LKpl Termidzi bin Shaari
- j. 30076 LKpl Musa bin Shaari
- k. 454675 LKpl Abd Jabar bin Abd Wahid

Selepas 22 hari penubuhan, kumpulan nukleus telah berpindah ke Kem Impal, KEMENTAH. Sarjan Mejar Rajimen yang pertama iaitu 14339 Pegawai Waren Satu Mohamad Shafie bin Harun telah melapor diri pada 30 Januari 1980 diikuti oleh Kapten Syed Sofi bin Syed Ismail melapor diri pada 1 Julai 1980 memegang jawatan sebagai Ajutan. Leftenan Kolonel Nik Zainin bin Nik Abdul Rahman (12372) telah dilantik sebagai Pegawai Memerintah pertama pada 15 Disember 1980. Pegawai Memerintah Kedua ialah Leftenan Kolonel Mohd Radzi bin Haji Ahmad (410099).

Pada 6 Diseember 1980, batalion tersebut telah dipindahkan ke Kem Tebrau, Johor Bharu, Johor dan ditempatkan bersama-sama Bn Inf 103. Pada masa itu, Kem Tebrau masih lagi dalam proses pembinaan. Urutan penubuhan Kompeni-Kompeni adalah seperti berikut:

- a. Kompeni A pada 20 April 1981 diketuai oleh Mejar Jamaluddin bin Hashim (410932).
- b. Kompeni B pada 10 Jul 1981 diketuai oleh Mejar Syed Sofi bin Syed Ismail (411071).
- c. Kompeni C pada 28 Ogos 1981 diketuai oleh Mejar Ismail bin Hassan (410789).
- d. Kompeni D pada 28 Ogos 1981 diketuai oleh Mejar Bakar bin Ahmad (410938).

28 RAMD telah diiktiraf sebagai ‘operational’ pada 20 November oleh Jeneral Tan Sri Dato’ Zain Hashim, Panglima Tentera Darat. Setelah diiktiraf status operasi, batalion tersebut melaksanakan operasi pertama iaitu Operasi KOTA ECHO, Grik mulai 1 Februari hingga 31 Mac 1982. Ekoran perubahan 21 RAMD (asal), pada 1 Januari 1983, 28 RAMD telah ditukarkan designasinya menjadi Batalion Ke-21 RAMD. Batalion Ke-21 Rejimen Askar Melayu DiRaja yang baru telah ditubuhkan pada 1 Januari 1983 di Kem Tebrau, Johor hasil pertukaran designasi Batalion Ke-28, Rejimen Askar Melayu DiRaja.⁶² Pegawai Memerintah batalion ini pada ketika pertukaran designasinya adalah Leftenan Kolonel Mohd Radzi bin Haji Ahmad (410099) dan Sarjan Mejar Rejimen pula adalah 15715 Pegawai Waren Satu Mokhtar Bin Jantan.

Selepas diisytiharkan sebagai 21 RAMD, batalion telah meneruskan tugas-tugas yang diberikan dan perkara pertama yang dilaksanakan adalah EKSESAIS TAIHA TOMBAK V mulai 13 Januari hingga 25 Januari 1983 di Kawasan Kulai, Kota Tinggi.

⁶² KP/T/D/ATUR 4688 Jil 5, Kuasa Penubuhan, bertarikh 5 Disember 1979.

Semenjak dari itu, batalion ini mula mengorak langkah dan telah berusaha untuk berdiri sama gagah dengan pasukan-pasukan RAMD yang lain. Dengan sikap yang positif serta semangat yang telah ditunjukkan oleh seluruh warga yang terdahulu dan yang ada pada masa ini, batalion ini telah dianugerahkan dengan Panji-Panji Rejimen oleh KDYMM Sultan Kedah selaku Kolonel Yang DiPertua Rejimen Askar Melayu DiRaja di Kem Pangkalan Chepa, Kota Bharu pada 23 September 2000. Tanggal 23 September 2000 merupakan detik sejarah yang amat bermakna kepada batalion ini kerana:

- a. Batalion ini adalah merupakan batalion yang pertama menerima Panji-Panji di Abad Ke-21 (sama dengan designasi batalion).
- b. Penganugerahan ini bersamaan dengan sambutan Jubli Perak DYMM Sultan Kedah selaku Kolonel Yang DiPertua RAMD.

3.5.1 Penempatan

Penempatan kedua-dua batalion yang mempunyai sejarah disatukan adalah seperti berikut:

- a. **21 RAMD (Lama)**
 - (1) Jabatanarah Infantri, KEMENTAH mulai 1 Januari 1978 hingga 19 April 1978.
 - (2) Wade Wing, KEMENTAH mulai 20 April 1978 hingga awal Oktober 1978.

(3) Kem Bentong, Pahang mulai 2 Oktober 1978 hingga 9 November 1981.

(4) Kem Kukusan, Tawau, Sabah mulai 10 November 1981 hingga 14 November 1982.

b. **28 RAMD**

(1) Kem Wade Wing, KEMENTAH mulai 1 Januari 1980 hingga awal Disember 1980.

(2) Kem Tebrau, Johor Bharu, Johor mulai 6 Disember 1980 hingga 31 Disember 1982.

c. **21 RAMD (Baru)**

(1) Kem Tebrau, Johor Bharu, Johor mulai 1 Januari 1983 hingga 14 November 1991.

(2) Kem Sri Kinabatangan, Sandakan, Sabah mulai 15 November 1991 hingga 16 Oktober 1994.

(3) Kem Pangkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan mulai 17 Oktober 1991 hingga sekarang.

Secara amnya, Batalion Ke-21 RAMD telah mempunyai seramai 21 orang Pegawai Memerintah dengan pecahan daripada Batalion Ke-21 RAMD (Lama dan Baru) seramai 19 orang dan Batalion Ke-28 RAMD mempunyai seramai 2 orang Pegawai Memerintah. Senarai Pegawai Memerintah adalah seperti di Lampiran.

Batalion Ke-21 RAMD seperti mana yang direkodkan mempunyai seramai 17 orang Sarjan Mejar Rejimen dengan 2 orang dari Batalion Ke-28 RAMD (Lama) manakala Sarjan Mejar Rejimen dari Batalion Ke-21 RAMD (Baru) mempunyai 15 orang Sarjan Mejar Rejimen. Senarai nama-nama Sarjan Mejar Rejimen adalah seperti di Lampiran.

Operasi-operasi yang telah dilaksanakan oleh Batalion Ke-21 RAMD dan Batalion Ke-28 RAMD adalah terlalu banyak bermula dari penubuhannya sehingga sekarang. Walau bagaimanapun, operasi yang dinyatakan di sini adalah operasi yang sempat disertai dan dilalui penulis ketika bersama dengan batalion ini adalah seperti di Lampiran. Seperti mana pasukan-pasukan Infantri yang lain, batalion ini juga telah melaksanakan beberapa siri latihan/eksesais. Di antara latihan/eksesais yang sempat disertai penulis adalah seperti di Lampiran.

Batalion Ke-21 RAMD juga mempunyai kejayaan serta pengalamannya yang tersendiri dalam pelaksanaan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan. Di antara peristiwa-peristiwa penting yang telah dialami adalah seperti berikut:

a. Kejadian Terpijak Jerangkap Samar

- (1) Semasa pasukan menjalankan Operasi KOTA ECHO di Kroh (Pengkalan Hulu) pada awal bulan januari 1980, 4 orang anggota pasukan telah terpijak

jerangkap samar. Kejadian ini telah mengakibatkan Leftenan Shafaruddin bin Mustafa (3000344) mengalami kecederaan parah di bahagian kaki.⁶³

(2) Insiden yang kedua berlaku pada 7 Feb 1980 di mana 29619 Kpl Atan bin Bagon juga telah mengalami kecederaan parah di bahagian kaki setelah terpijak jerangkap samar.⁶⁴

b. Perjumpaan Peralatan PGK.

Walaupun tidak mempunyai kejayaan dari aspek ‘body count’, semasa melaksanakan tugas Operasi INDERA pada bulan Sep/Okt 1985 di kawasan Pahang Barat, sejumlah 7 perjumpaan peralatan musuh telah ditemui. Di antaranya ialah 2 pucuk pistol jenis LLMA COL POINT 38 SPECIAL, Nombor Siri 584477 dan 8848884. Peralatan PGK juga dijumpai semasa batalion menjalankan Operasi KOTA BRAVO/CHARLIE/DELTA di Gubir pada 5 Nov 2000 hingga 8 Jan 2001.⁶⁵

c. Pertempuran di Pulau Tambisan, Sabah

Pada 1 September 1993 lebih kurang jam 0725, semasa pasukan menjalankan Operasi BELASAH Siri 5/93 Di Pulau Tambisan, Sabah, Sub-Unit dari PI 2 Komp A yang berkekuatan 6 orang melaksanakan rondaan di Pulau Tambisan Timur (GR 159032) menggunakan perahu tempur telah melihat pergerakan 2 buah bot laju. Kedua-dua bot berkenaan berada di tengah-tengah

⁶³ Nota Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah diantara Lt. Kol Mohd Nasir Bin Abdul Rahman dengan Lt Kol Ismail bin Atan, bertarikh 5 Mac 2001 di 21-RAMD Pengakalan Chepa, Kelantan.

⁶⁴ Temubual bersama Lt Kol. Ismail bin Atan, Mantan Pegawai Memerintah 21-RAMD, di Stesyen Minyak Caltex, Seri Kembangan, bertarikh 27 Nov 2005.

⁶⁵ Lt Kol (B) Hj Ab. Aziz Ahmad, *Kemuliaan Nilai-nilai Ketenteraan*, terbitan BTDM (Berita Tentera Darat Malaysia) Markas Tentera Darat, Kuala Lumpur, h.80.

laut dan sedang menuju ke arah mereka. Apabila di jarak antara 150 ke 100 meter, mereka telah melihat 3 laras senjata M 16 berada di tangan orang yang berada di dalam bot berkenaan.

Insiden tembak-menembak telah berlaku selama 6 minit. Insiden ini telah mengakibatkan 2 orang lanun terbunuh dan 3 orang lagi tercedera. Tiada kecederaan yang dialami oleh Sub-Unit. Hasil dari kejayaan ini, Leftenan Suhaidi bin Saad (3005212) telah dianugerahkan dengan Pingat Gagah Berani (PGB) dan anggota-anggotanya seramai 5 orang telah dianugerahkan dengan Pingat Kepujian Perutusan Keberanian (KPK).⁶⁶ Mereka adalah:

- (1) 1042638 Kpl Razak Bin Ahmad (Sekarang SSjn)
- (2) 1041879 Pbt Azmi Bin Rafi (Telah bertukar keluar).
- (3) 1628 Pbt Norlijan Bin Pungut (Telah bertukar keluar).
- (4) Kamaruddin Bin Atan (Sekarang LKpl).
- (5) Pbt Kamaruddin Bin Khamis (Telah bertukar keluar).

3.5.2 Identiti Pasukan

Batalion di dalam Tentera Darat Malaysia kebanyakannya mempunyai identiti tersendiri, antaranya adalah seperti lagu pasukan, warna dan sebagainya. Batalion ini mempunyai lagunya untuk menaikkan semangat juang warganya. Lagu Pasukan serta

⁶⁶ Pahlawan RAMD 1933-2008, Jabatan Arah dan Infantri, Markas Tentera Darat, Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur, h.200.

liriknya telah dicipta pada 5 November 1981 oleh 71508 Drum Major Abidin bin Ibrahim. Senikata lagu pasukan yang pertama adalah seperti di Lampiran.

Namun demikian, lirik lagu pasukan ini telah diubahsuai kepada yang baru pada tahun 1998 dan ianya telah dicipta oleh Leftenan Kolonel Azman bin Hj Mat Salleh (3000024), Pegawai Memerintah ke-9. Senikata lagu pasukan yang baru adalah seperti di Lampiran. Lagu ini dinyanyikan sebelum sesuatu aktiviti pasukan dilakukan dan ianya telah menjadi satu tradisi kepada pasukan ini.

a. Warna Pasukan



Warna asas batalion adalah warna **Hijau**, **Putih** dan **Biru** yang mempunyai pengertiannya yang tersendiri. Warna Hijau membawa maksud mendukung konsep perjuangan Islam. Ianya dijadikan sebagai latar belakang bagi mencerminkan bahawa segala-galanya harus berlandaskan Konsep *At-Tauhid*. Warna Putih mencerminkan kesucian dalam perjuangan bagi menghadapi apa jua pahit getir dan rintangan yang bakal dihadapi bersama-sama demi Agama, Bangsa dan Negara. Warna Biru melambangkan taat setia kepada Raja, Perlembagaan dan Pemerintah seiring dengan cogankata RAMD (Taat Setia).⁶⁷

⁶⁷ Pahlawan RAMD 1933-2008, Jabatan Arah dan Infantri, Markas Tentera Darat, Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur, h.2.

b. Cogan Kata Pasukan

Cogan kata Batalion ini ialah **SETIA BERANI**. Maksud dan pengertiannya adalah seperti berikut:

- (1). **SETIA** membawa maksud ketaatan tanpa berbelah bahagi kepada Agama, Bangsa dan Negara. Setia dalam perspektif yang luas adalah kesetiaan dalam perjuangan menegakkan kedaulatan negara dari sebarang ancaman sejajar dengan peranan Askar Melayu sebagai tulang belakang pertahanan negara.
- (2). **BERANI** membawa pengertian perjuangan yang tidak mengenal rasa takut dengan berlandaskan kepada kebenaran dan prinsip-prinsip *At-Tauhid*.

Cogankata ini juga dikenali sebagai '**SEMANGAT 21 RAMD**'. Ianya dilaungkan sebelum anggota keluar baris selepas perbarisan.

c. Ayat Pegangan Pasukan

Sebagai sebuah batalion yang mendukung Konsep Pejuangan Islam, ayat 111 Surah Al-Taubah dijadikan pegangan warga pasukan ini. Selain nombor 111, membawa makna 21 (iaitu $1 + 1 = 2$ dan 1), ayat tersebut mempunyai maksud yang mendalam dalam usaha pasukan mencapai wawasan yang telah ditetapkan. Ayat yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

إِنَّ اللَّهَ أَشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالُهُمْ بِإِيمَانِهِمْ لَهُمُ الْجَنَّةُ
 يُقْتَلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتَلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّورَةِ
 وَالْإِنجِيلِ وَالْقُرْءَانِ وَمَنْ أَوْفَ بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبِشُوا بِبَيِّنَاتِكُمْ
 الَّذِي بَأَيَّعْتُمْ بِهِ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١١﴾

Terjemahan:

“Sesungguhnya Allah Telah membeli dari orang-orang mukmin diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka. mereka berperang pada jalan Allah; lalu mereka membunuh atau terbunuh. (Itu telah menjadi) janji yang benar dari Allah di dalam Taurat, Injil dan Al-Quran dan siapakah yang lebih menepati janjinya (selain) daripada Allah? Maka bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu, dan Itulah kemenangan yang besar.”⁶⁸

(Surah al-Taubah (9): Ayat 111)

3.5.3 Penganugerahan Panji-Panji Rejimen

23 September 2000⁶⁹, merupakan detik paling bersejarah bagi batalion ini di mana batalion telah dianugerahkan dengan Panji-Panji Rejimen oleh KDYMM Sultan Kedah selaku Kolonel Yang DiPertua RAMD.⁷⁰ Pegawai Memerintah semasa penganugerahan ini adalah Leftenan Kolonel Mohd Nasir bin Abdul Rahman (3000227). Penolong

⁶⁸ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, Yayasan Restu, *at-Taubah*, h.206

⁶⁹ Syed Othman Syed Omar, *Rejimen Askar Melayu DiRaja 1933-1968*, Kuala Lumpur:Penerbitan Universiti Malaya, h.269.

Pegawai Memerintah ialah Mejar Hashim bin Ali (3001860) dan Pegawai yang menerima Panji-Panji adalah Leftenan Muda Mohd Zuki bin Endang @ Yusoff (3006710). Manakala Sarjan Mejar Rejiman ialah 1035365 PW I Mazlan bin Ibrahim. Perbarisan penganugerahan disertai oleh seramai 21 Pegawai dan 202 LLP. Ketua-Ketua Kontinjen adalah seperti berikut:

- a. Kompeni Pengiring -Mejar Ismail bin Ariffin (3000789)
- b. Kompeni Kedua -Kapten Khazali bin Abdullah (3004097)
- c. Kompeni Ketiga -Mejar Ismail bin Hassan (3002079)
- d. Kompeni Keempat -Mejar Abdul Halim bin Hj Yusof (3002152)
- e. Kuartermaster -Kapten (KM) Muhamad bin Che Soh (3006934)
- g. Pegawai Agama/ Doa -Kapten Hj Tirmizi bin Hj Md Isa (3007952)
- f. Pegawai Padang diketuai oleh Lt Halidi bin Atur serta 45 LLP (16 RAMD)

Detik bersejarah dan gemilang ini telah diusahakan oleh Pengerusi Kor RAMD, Leftenan Jeneral Dato' Mohd Shahrom bin Dato' Hj Nordin dan dibantu oleh Setiausaha RAMD, Kolonel Roslan bin Abdul Rashid (410789) yang juga Pengarah Infantri.⁷¹ Selain dari warga pasukan yang sedia ada, warga-warga terdahulu termasuk bekas-bekas Pegawai Memerintah dan SMR juga turut meraikan hari bersejarah ini. Di samping itu, pegawai-pegawai atasan berikut juga turut hadir:

- a. Jen Dato' Seri Md Hashim bin Hussein, Panglima Tentera Darat.
- b. Lt Jen Dato' Seri Zaini bin Hj Mohd Said, Panglima Pemerintahan

⁷¹ Temubual bersama Jeneral (B) Tan Sri Mohd Shahrom Bin Dato' Haji Nordin, Mantan Panglima Tentera Darat di Masjid Pengkalan Udara Subang selepas Solat Tarawih bertarikh 10 Julai 2010.

Medan Tentera Darat.

- c. Mej Jen Datuk Khairuddin bin Mat Yusof, Panglima 2 Div.
- d. Mej Jen Dato' Abdul Ghafir bin Abdul Hamid, Panglima 4 Div (Bekas Pegawai Memerintah 21 RAMD Ke-3).
- e. Brig Jen Dato' Hashim bin Yahaya, Panglima 8 Bgd.
- f. Brig Jen Yazam bin Mahmood, Panglima 2 Bgd.
- g. Brig Jen Dato' Mohd Yusak bin Hj Sulaiman, Panglima 6 Bgd.
- h. Bekas Pengurus Kor RAMD:
 - (1) Jen (B) Dato' Ismail bin Hassan.
 - (2) Mej Jen (B) Datuk Abdul Kadir bin Nordin.
- i. Bekas-bekas Pegawai Memerintah 21 RAMD:
 - (1) Kol (B) Rahman bin Dato' Baginda (Pegawai Memerintah Ke-5).
 - (2) Lt Kol Yahya bin Ibrahim (Pegawai Memerintah Ke-7).
 - (3) Lt Kol Zakaria bin Borhan (Pegawai Memerintah Ke-8).
 - (4) Lt Kol Azman bin Hj Mat Salleh (Pegawai Memerintah Ke-9).

Selepas lebih kurang 31 tahun penubhannya (diambil kira dari 1 Januari 1978), batalion ini telah menempa pelbagai kejayaan. Kecemerlangannya terserlah apabila dianugerahkan Panji-Panji Rejimen pada 23 September 2000 oleh KDYMM Sultan Kedah selaku Kolonel Yang DiPertua RAMD. Kejayaan yang dicapai oleh batalion ini amat membanggakan seluruh warga batalion. Pengalaman mengajar kita erti kedewasaan dan kejayaan mengajar erti kepayahan yang harus dilalui sebelum mencapai kejayaan.

Semoga batalion Ke-21 RAMD akan terus unggul dan berjaya seperti mana nukilan sajak yang dilestarikan semasa Upacara Penganugerahan Panji-Panji Rejimen. Lihat Lampiran.

3.6 KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA (KAGAT)

3.6.1 Pendahuluan

Perkhidmatan Agama dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah lama bermula iaitu selaras dengan penubuhan Rejimen Askar Melayu pada tahun 1933.⁷² Walaubagaimanapun, perjawatan ketika itu adalah di bawah pentadbiran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia, bukan di bawah ATM. Sejak dari itu perkhidmatan agama telah berkembang mengikut keperluan perkembangan formasi dan pasukan ATM itu sendiri. Semakin lama, keperluan pengurusan hal ehwal keagamaan dalam ATM semakin dirasakan penting dan menjadi sinonim dengan pentadbiran ketenteraan sehingga di mana sahaja wujudnya pasukan baru, perjawatan kakitangan agama (guru agama) diperlukan bagi memenuhi keperluan tugas keagamaan di pasukan dan terhadap keluarga ATM, malah guru-guru agama awam yang berkhidmat dengan ATM turut dibawa ke pangkalan-pangkalan pasukan medan bagi menguruskan keperluan ibadat di medan, tugas pengurusan jenazah serta pungutan zakat fitrah bila Syawal menjelang. Perkhidmatan agama semakin hari semakin berkembang pesat dan mulai bersifat “*militarization*”.⁷³

⁷² Syed Othman Syed Omar (2005), *Rejimen Askar Melayu DiRaja*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h.24. Lihat juga Perintah Tetap Kor Agama Angkatan Tentera, h.1.

⁷³ Kapt Saidatulis Sabariah bt Sahid (2004), Artikel. *Sejarah Penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera*, KEMENTERAH, Kuala Lumpur.

3.6.2 Penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera

Ekoran dari perkembangan di atas, idea dan usaha-usaha untuk mengembangkan perkhidmatan agama sebagai suatu organisasi dan mempunyai perjuangannya⁷⁴ dalam bentuk sebuah kor di bawah perkhidmatan ATM mula timbul.⁷⁵ Di samping aspek ke arah “*militarization*” itu, terdapat faktor lain yang mendorong penubuhan KAGAT dengan kadar segera iaitu:

- a. Mengemaskinikan organisasi dan pentadbiran agama dalam ATM.
- b. Menyelaras penggunaan sumber manusia yang seimbang bagi melaksanakan tugas secara lebih berkesan.
- c. Mewujudkan saluran pemerintahan *chain of command* bagi semua peringkat pasukan.
- d. Mewujudkan keanggotaan agama yang seimbang di semua peringkat berdasarkan keperluan perkhidmatan.

Langkah pertama bagi merealisasikan hasrat dan idea ini telah dimulakan pada tahun 1979 oleh YB Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud yang ketika itu selaku Menteri Pertahanan. Namun demikian idea tersebut hanya dapat dilaksanakan pada tahun 1980

⁷⁴ Mejar Nawawi Daud, *Minda sebagai Pengukuhan dalam Organisasi*, Koleksi kertas kerja yang dibentangkan di dalam seminar dan kolloquium Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), h.35

⁷⁵ 75 Minit Mesyuarat Khas Majlis Angkatan Tentera (MAT) yang telah diadakan di bilik mesyuarat B, Kementerian Pertahanan yang telah dihadiri oleh Menteri Pertahanan dan Pegawai-Pegawai Kanan ATM bertarikh 5 Jun 1980. Lihat juga K.MAT(80) KHAS/1.

apabila YAB Tun Dr. Mahathir Mohamed mantan Perdana Menteri Malaysia telah menggesa penubuhan sebuah Kor untuk mengendalikan hal ehwal keagamaan ATM dilaksanakan dengan segera.⁷⁶ Penubuhan KAGAT digesa selaras dengan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam⁷⁷ yang telah dilancarkan oleh kerajaan pada ketika itu. Beberapa perbincangan lanjutan antara pihak Kementerian Pertahanan dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah dibuat bagi melaksanakan perkara ini.

Hasilnya, pada 24 Jun 1980 Majlis Angkatan Tentera (MAT) melalui persidangan kali ke 197 telah bersetuju dengan penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT).⁷⁸ Selanjutnya pada 16 April 1985 penubuhan KAGAT telah mendapat persetujuan dan limpah perkenan Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Kelapan, Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail, selaku Panglima Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia ketika itu dan KAGAT telah ditubuhkan dengan rasminya pada tarikh yang sama iaitu 16 April 1985 di Kuala Lumpur. Kor Agama Angkatan Tentera adalah kor yang ke 16 dalam Tentera Darat Malaysia.⁷⁹ Penugasan perkhidmatannya adalah meliputi ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut DiRaja Malaysia dan Tentera Udara DiRaja Malaysia).

Manakala pada 29 November 1984 Persidangan MAT ke 238 telah meluluskan Skim Perkhidmatan KAGAT dan pada 29 Mac 1986 Persidangan MAT ke 249 telah

76 Keratan Akbar *Utusan Malaysia* bertarikh 24 Mac 1987.

77 Mejari Burhanuddin Abdul Jalal, *Usaha-usaha Konstruktif Pembinaan Generasi Tentera yang Bertaqwah*, Koleksi kertas kerja yang dibentangkan di dalam seminar dan kolloquium Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), h.81.

78 Minit Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera (MAT) kali ke-197 yang telah diadakan di bilik mesyuarat B, Kementerian Pertahanan yang telah dihadiri oleh Menteri Pertahanan dan Pegawai-Pegawai Kanan ATM bertarikh 24 Jun 1980. Lihat juga, Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (1988), Arahan Pentadbiran Kor Agama Angkatan Tentera, Arahan Pentadbiran No. 1, h. 1.

79 *op.cit.*, h.6.

meluluskan syarat-syarat pertukaran perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Agama Islam di bawah JPA ke KAGAT.⁸⁰

3.6.3 Tujuan Penubuhan

Pelbagai tanggapan dibuat mengenai hasrat murni kerajaan dan usaha merealisasikan penubuhan KAGAT yang mana ada pihak yang memuji dan menyokong penubuhan dan ada juga pihak yang bersikap di sebaliknya.⁸¹ Walau apapun tanggapan yang wujud ketika itu, KAGAT ditubuhkan secara umumnya adalah untuk memberi bantuan pendidikan kerohanian⁸² kepada anggota selain tujuan yang jelas iaitu untuk mencapai matlamat berikut:⁸³

- a. Memenuhi keperluan agama anggota Islam ATM dan keluarga mereka.
- b. Menyediakan kemudahan anggota dan pendidikan agama Islam bagi masyarakat tentera di masa aman, kecemasan atau peperangan.

80 Minit Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera (MAT) kali ke-238 yang telah diadakan di bilik mesyuarat B,Kementerian Pertahanan yang telah dihadiri oleh Menteri Pertahanan dan Pegawai-Pegawai Kanan ATM bertarikh 29 November 1984. Lihat juga Minit Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera (MAT) kali ke-249 yang telah diadakan di bilik mesyuarat B,Kementerian Pertahanan yang telah dihadiri oleh Menteri Pertahanan dan Pegawai-Pegawai Kanan ATM bertarikh 29 Mac 1986.

81 Keratan akhbar Utusan Malaysia bertarikh 21 Januari 1987.

82 Perintah tetap kor Agama Angkatan tentera, Bahagian Perkhidmatan Anggota Kementerian Pertahanan 1987, h.1.

83 Arahan Pentadbiran Kor Agama Angkatan Tentera, Arahan Pentadbiran No. 1, h. 1. Lihat juga keratan akhbar Berita Harian bertarikh 21 Januari 1987.

- c. Membina pendirian akhlak, keteguhan dan disiplin yang kukuh di kalangan anggota ATM berasaskan kepada penerapan nilai-nilai Islam yang sesuai dengan masa dan keadaan.⁸⁴
- d. Menyelesaikan masalah-masalah pentadbiran agama Islam mengikut perundangan-perundangan yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa; khususnya dalam hal ehwal syariah dan hubung kait antara ATM dengan masyarakat awam.
- e. Berusaha mengurus apa juga perkara yang didapati perlu oleh pihak berkuasa demi kebaikan dan perkembangan agama Islam dalam ATM.

KAGAT telah dibangunkan oleh 2 kumpulan anggota pengasas yang terdiri daripada:

a. Kumpulan Anggota Tukar Lantik/Serap.

Kumpulan anggota pengasas pertama terdiri daripada 45 anggota daripada kakitangan agama awam Kementerian Pertahanan yang berkhidmat di bawah Skim Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah ditukar lantik dan diserapkan bagi menganggotai KAGAT.⁸⁵ Untuk proses penyesuaian ke perkhidmatan baru, mereka telah menjalani Kursus Orientasi selama 6 minggu di Sekolah Tempur

⁸⁴ Mejar Baharizan Zainal Abidin, *Metodologi Dakwah dalam ATM serta Peranan dan Cabaran Anggota KAGAT*, Kertas Kerja dalam Seminar Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT).

⁸⁵ *op.cit.*, h.1.

Pegawai Muda (STPM) Tentera Darat, Ulu Tiram, Johor dan tamat menjalani latihan pada 20 Januari 1987.⁸⁶ Kumpulan pertama tersebut mengandungi 26 pegawai dan 19 Pegawai Tanpa Tauliah (PTT) Kanan termasuk 4 daripadanya adalah wanita. Seorang daripada pegawai berkenaan telah dinauliahkan ke pangkat Kolonel iaitu Kolonel Abdul Hamid Hj Zainal Abidin dan dilantik sebagai Pegarah KAGAT yang pertama.⁸⁷

b. Kumpulan Pegawai Ikhtisas dan Anggota Rekrut.

Pengambilan rasmi bagi Kumpulan Pegawai Ikhtisas yang pertama telah dilaksanakan pada 17 November 1986 melibatkan seramai 25 orang pegawai. Manakala Kumpulan pertama Rekrut KAGAT, melibatkan seramai 43 orang anggota telah menjalani latihan selama enam bulan di Sekolah Tempur Pegawai Muda (STPM) Ulu Tiram, Johor dan tamat latihan pada 20 April 1987.⁸⁸

c. Kumpulan Anggota Tukar Kor.

Sebahagian daripada kumpulan anggota pengasas KAGAT adalah terdiri daripada anggota ATM yang bertukar dari Kor-Kor Tentera Darat lain yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh KAGAT iaitu memiliki kelulusan asas Empat Thanawi dan SPM. Pengambilan anggota KAGAT dari lain-lain Kor Tentera Darat masih diamalkan sehingga kini.⁸⁹

86 Keratan akbar Berita Harian bertarikh 3 November 1986.

87 MAT 249/86/K-183. KP (S) CPT Jil.2 (54) bertarikh 24 hb Mac 1986. Lihat juga keratan Warta Angkatan Tentera Malaysia Januari 1987.

88 KP/BSTMP/KAGAT/A/5034 bertarikh 13 Apr 1988 h. H2-1.

89 MAT 238/84/K-277. KP (S) 834/22/(39) bertarikh 10 hb Nov 1984.

Semua anggota Lain-lain Pangkat KAGAT kecuali dari kategori pengambilan secara tukar kor dikehendaki menjalani latihan asas rekrut selama enam bulan di pusat latihan asas yang ditetapkan oleh ATM. Pada peringkat awal penubuhan KAGAT, latihan asas rekrut KAGAT dijalankan secara berasingan di STPM, Ulu Tiram Johor. Namun kini latihan asas rekrut KAGAT telah dipusatkan di Pusat Latihan Asas Darat (PUSASDA), Port Dickson. Bagi kategori Pegawai Ikhtisas mereka dikehendaki menjalani latihan asas ketenteraan selama 3 bulan di Pusat Latihan Askar Wataniah (PUSWATAN), Ipoh, Perak.⁹⁰ Selanjutnya bagi kemantapan kerjaya pegawai dan anggota KAGAT akan mengikuti siri-siri kursus kerjaya di Institut Latihan Kefahaman Islam ATM (ILMI) di samping kursus-kursus anjuran institusi-institusi latihan lain.

3.6.4 Pengarah Kagat

Sehingga tahun 2010 KAGAT telah diterajui oleh empat orang Pengarah iaitu, Brigedier Jeneral (B) Dato' Haji Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin yang telah berkhidmat sebagai Pengarah KAGAT yang pertama berkhidmat selama sepuluh tahun bermula dari 16 April 1985 hingga 30 Jun 1995.⁹¹ Brigedier Jeneral Dato' Haji Najmi bin Haji Ahmad selaku Pengarah KAGAT yang kedua, berkhidmat selama sebelas tahun bermula dari 01 Julai 1995 hingga 04 Mac 2006.⁹² Perjuangan KAGAT seterusnya dipimpin oleh Senator Mejar Jeneral (B) Datuk Seri Hj Jamil Khir bin Hj Baharom sehingga 10 April 2009, hanya sempat berkhidmat bersama KAGAT selama tiga tahun

90 KP/BSTMP/KAGAT/A/5034 bertarikh 13 Apr 1988 h. B-2.

91 MAT/238/84/K.277,KP (S)834/22/(39) bertarikh 10 hb November 1984. Lihat juga keratan WARTA Angkatan Tentera Malaysia, KEMENTAH, bertarikh Januari 1987.

92 keratan WARTA Angkatan Tentera Malaysia, KEMENTAH, bertarikh Ogos 1985.

dan diteruskan oleh Brigediar Jeneral Hj Kamarudin bin Hj Mamat sehingga sekarang.⁹³

3.6.5 Kesam Kor

Seperti mana kor-kor lain KAGAT juga mempunyai kesam kor tersendiri seperti logo, lencana kolar dan bendera. Logo, lencana kolar dan bendera KAGAT membawa pengertian khusus sesuai dengan peranan dan tanggungjawab KAGAT.⁹⁴

a. Logo

Rekabentuk logo KAGAT, mengandungi objek yang terdiri dari bulan bintang berbucu lima, mahkota bertatahkan permata dengan dihiasi tulisan nama Allah dan Muhammad, perisai berlambang Al-Quran dan bertulis perkataan “*Iqra*” serta dikelilingi bunga padi dan mengandungi slogan atau cogan kata “*Berjuang Berakhhlak*”, merupakan cogan kata KAGAT. Kesemua tulisan dan perlambangan tersebut mempunyai makna yang tersendiri selaras dengan peranan, visi dan misi KAGAT itu sendiri. Tafsiran perlambangan dan tulisan yang terdapat dalam logo ialah seperti berikut:

93 Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (2010), *Al-Istiqamah*, KEMENTAH, Kuala Lumpur, h.24. Lihat juga Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (2006), *Buletin At-Tajdid*, KEMENTAH, Kuala Lumpur, h.4.

94 Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (1994), *Buletin Al-Tajdid*, KEMENTAH, Kuala Lumpur, Bil 1, Jan, h.15: “*Mengenali Logo dan Bendera Kita*”. Lihat juga, *Di Persada Kegemilangan*, h 20.

- a. **Bulan Bintang Bucu Lima.** Bulan dan bintang bucu lima di atas mahkota melambangkan keunggulan agama Islam sebagai agama rasmi negara yang perlu dipertahankan dengan jiwa dan raga.
- b. **Mahkota dan Tulisan Allah dan Muhammad.** Menjunjung tinggi kedaulatan undang-undang negara, ketaatan kepada raja dan sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT.
- c. **Perisai.** Melambangkan KAGAT seiringan dengan perjuangan dan pertahanan negara mengikut ciri-ciri perjuangan Nabi Muhammad SAW. KAGAT sentiasa bersedia memberi bimbingan kerohanian untuk memupuk semangat juang dan daya ketahanan kepada anggota ATM dalam menghadapi perjuangan.
- d. **Tulisan perkataan “Iqra”.** Bermaksud “*bacalah*”, KAGAT sentiasa mengamalkan ilmu pengetahuan dunia dan akhirat. Dalam mengatur strategi perjuangan, KAGAT berpandu kepada ilmu-ilmu yang terkandung dalam Al-Quran sesuai untuk disampaikan kepada kumpulan sasar bagi melahirkan anggota berilmu, beramal, berani dan berakhhlak mulia.
- e. **Simbol Kitab Al-Quran.** Membawa pengertian bahawa kitab Al-Quran merupakan dasar perundangan hidup yang perlu dijunjung tinggi dalam

melaksanakan tanggungjawab memberi pendidikan dan khidmat keagamaan kepada seluruh anggota ATM.

- f. **Lencana Kolar.** Reka bentuk lencana kolar adalah seperti logo KAGAT. Bagaimanapun ukurannya lebih kecil iaitu 20mm lebar dan 25mm tinggi sesuai diletakkan pada kolar baju. Lencana kolar dibuat dari logam jenis ringan "dianodised" dengan keseluruhannya berwarna emas. Setiap anggota KAGAT akan memakai sepasang lencana kolar.
- g. **Bendera.** Bendera merupakan panji-panji dan lambang kemegahan bagi setiap kor. KAGAT telah memilih bentuk bendera di bawah setelah mengambil kira beberapa aspek penting termasuk dari segi artistik, konsep dan matlamat KAGAT dalam Angkatan Tentera Malaysia.

b. Bendera

Bendera KAGAT terdiri dari 2 warna asas iaitu jalur pada bahagian kiri dan kanan berwarna hijau tua dan jalur tunggal di tengah berwarna merah serta di tengah-tengah jalur merah diletakkan logo KAGAT. Maksud perlambangan yang wujud pada bendera ialah seperti dinyatakan di bawah:

- a. ***Logo KAGAT.*** Logo diletak di tengah-tengah bendera tujuan untuk memberi penekanan identiti KAGAT. Logo berwarna kuning emas dengan perisai di dalam logo berwarna hijau tua.
- b. ***Warna Merah.*** Warna latar belakang jalur merah menunjukkan bahawa KAGAT adalah sebuah Kor di dalam Tentera Darat Malaysia. Walaubagaimanapun dari segi perkhidmatan agama, KAGAT memberikan perkhidmatannya kepada ketiga-tiga perkhidmatan ATM (TDM, TLDM dan TUDM).
- c. ***Warna Hijau Tua.*** Jalur hijau di kiri dan kanan bendera menunjukkan kesucian dan kebesaran Islam sebagai agama rasmi negara yang mendakap erat perjuangan KAGAT dan ATM.

Nama panggilan Kor sejak penubuhannya pada 16 April 1985 hingga sekarang adalah "Kor Agama Angkatan Tentera" atau ringkasnya disebut "KAGAT".⁹⁵ Cogankata KAGAT ialah "Berjuang Berakh�ak".

⁹⁵ Minit Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera (MAT) kali ke-249 yang telah diadakan di bilik mesyuarat B,Kementerian Pertahanan yang telah dihadiri oleh Menteri Pertahanan dan Pegawai-Pegawai Kanan ATM bertarikh 29 Mac 1986. Lihat juga KP/BSTMP/KAGAT/A/5034 bertarikh 13 Apr 1988.

3.7 EVOLUSI PERKEMBANGAN JABATAN ARAH KAGAT

3.7.1 Perubahan Pejabat Jabatan Arah KAGAT

Ekoran dari perubahan struktur organisasi pada tahun 1993 yang membawa kepada pertambahan staf, pada tahun 1997 Jabatan Arah KAGAT yang sebelumnya beroperasi di tiga buah bangunan lama JKR 167, PH 32 dan B37 yang terletak bersebelahan Pejabat Bahagian Perkhidmatan Anggota, KEMENTAH, telah bertukar ke pejabat baru di Tingkat 10 Kompleks Wisma Pertahanan. Pejabat yang dahulunya usang dan panas telah diganti dengan pejabat baru yang jauh lebih selesa. Ianya telah memberikan imej baru kepada Jabatan Arah KAGAT.⁹⁶

Setelah tahun 1997, semua sel Jabatan Arah KAGAT kecuali Unit Penerbitan telah dipindahkan ke Tingkat 10 Kompleks Wisma Pertahanan. Unit Penerbitan kekal ditempatkan di salah satu bangunan asal Jabatan Arah, JKR 167. Walaubagaimanapun, pejabat tersebut telah diubahsuai kepada bangunan pejabat yang selesa dan berhawa dingin.

3.7.2 Penyusunan Semula Struktur Organisasi Jabatan Arah KAGAT

Jabatan Arah KAGAT, sejak ditubuhkan dengan rasminya pada 16 April 1986, iaitu setahun setelah penubuhan KAGAT, yang telah diluluskan oleh Mesyuarat

⁹⁶ Mejar Ibrahim Embong, *Penglibatan Semua Peringkat Anggota KAGAT dalam Tugas Regimental*, Kertas kerja yang telah dibentangkan di dalam Kolokium Pegawai-pegawai KAGAT bertarikh 15-17 Disember 1994.

Jawatankuasa Petugas Organisasi dan Perjawatan ke 36 pada 8 April 1986, telah melalui penstrukturkan semula organisasi sebanyak dua kali dalam proses memenuhi keperluan semasa ATM. Ia berlaku pada tahun 1993 dan yang terbaru pada tahun 2004 di bawah pentadbiran Brigedier Jeneral Dato' Haji Najmi bin Haji Ahmad.⁹⁷

Tidak dapat dinafikan setelah dua puluh lima tahun penubuhan KAGAT, peranan dan fungsi Jabatan Arah KAGAT semakin pesat berkembang dan struktur organisasi tahun 1993 tidak dapat lagi menampung perkembangan fungsi dan peranan yang berlaku tambahan pula dengan tertubuhnya Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI) di Port Dickson.⁹⁸ Fungsi dan peranan tugas keagamaan yang dilaksanakan oleh Jabatan Arah KAGAT semakin meluas sehingga tuntutan mewujudkan Pejabat Agama di Markas-Markas Perkhidmatan turut berlaku dan terpaksa dipenuhi memandangkan perkhidmatan keagamaan semakin diperlukan di banyak tempat dalam organisasi ATM. Malah terdapat sebahagian perkhidmatan yang terpaksa mengorbankan perjawatan perkhidmatan mereka bagi membolehkan pengisian anggota dan pegawai KAGAT ditempatkan di lokasi-lokasi tersebut bagi memenuhi keperluan semasa.⁹⁹

Melihat kepada perkembangan ini, Jabatan Arah KAGAT telah memohon untuk melakukan penstrukturran semula dan telah diluluskan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam pada 24 Jun 2004 melalui waren Kementerian Pertahanan Bilangan ke 67 Tahun 2004.¹⁰⁰ Penstrukturran semula Jabatan Arah KAGAT buat kali kedua berlaku secara

⁹⁷ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Organisasi dan Perjawatan ke 36 bertarikh 8 April 1986. Lihat juga FED M/3024© 15/91 dan FED M/MKS ATM 1005/1/93.

⁹⁸ JPA BR/(5.00)/36-1 JD-35(SK)(2) bertarikh 24 Jun 2004.

⁹⁹ Risalah keluaran Khas Sempena HUT KAGAT ke-20, "Struktur Baru Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera", Kuala Lumpur: Unit Jabatan Arah KAGAT 2005.

¹⁰⁰ KP/PERJ/155/3 Jil.5 (64) bertarikh 08 Jul 2004.

besar-besaran dan ianya mewujudkan beberapa perjawatan baru di antaranya adalah seperti berikut:

- a. ***Kenaikan Pangkat Pegawai Kanan KAGAT.*** Perjawatan-perjawatan baru yang wujud akibat penstrukturran semua KAGAT melibatkan Pegawai Kanan yang dinaikkan dari pangkat Leftenan Kolonel kepada Kolonel dan daripada Mejar kepada Leftenan Kolonel iaitu seperti berikut:

- (1) 2 x Kol untuk jawatan Timbalan Pengarah Perancangan dan Pengurusan serta Timbalan Pengarah Operasi.
- (2) 7 x Lt Kol untuk jawatan:
 - PS 1 Sekretariat A (Inspektorat/R&D).
 - PS 1 Sekretariat B (Undang-undang Syariah).
 - PS 1 Dakwah.
 - PS 1 Perancangan dan Pembangunan.
 - PS 1 Pengurusan Sumber Manusia.
 - PS 1 Pengurusan Masjid.
 - PS 1 Kemajuan Ahwal Syakhsiah.

- b. ***Penubuhan Sekretariat A (Sel Inspektorat dan R&D).*** Sekretariat A Sel Inspektorat dan R&D bertanggungjawab terus kepada Pengarah KAGAT dalam menentukan semua formasi dan pasukan mematuhi dasar dan arahan yang telah dikeluarkan oleh KAGAT dalam menentukan semua formasi dan pasukan

mematuhi dasar dan arahan yang telah dikeluarkan oleh KAGAT dipatuhi serta bertanggungjawab mengkaji keberkesanan serta langkah-langkah ke arah penguatkuasaannya. Manakala satu unit penyelidikan yang dikenali sebagai Pusat Penyelidikan Ilmiah KAGAT berpusat di ILMI adalah di bawah pentadbiran sel ini.

c. ***Penubuhan Sekretariat B (Sel Undang-undang Syariah).*** Sel Undang-undang Syariah adalah sel baru diwujudkan berdasarkan cadangan oleh Pengarah KAGAT Brigedier Jeneral Dato' Hj Najmi b Hj Ahmad. Sel ini bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan yang menyentuh perundangan syariah seperti kes-kes Mal yang merangkumi urusan nikah, cerai serta rujuk, jenayah syarak dan urusan pembahagian harta pusaka anggota ATM. Selain itu Sel ini juga memberikan khidmat nasihat berkaitan Undang-undang Syariah untuk anggota ATM. Oleh sebab sel tersebut terlibat secara langsung mengenai soal-soal dasar perundangan syariah, maka ia telah diletakkan terus di bawah pengawasan Pengarah KAGAT.

d. ***Penubuhan Unit IT Masjid.*** Penubuhan Unit IT (*Information Technology*) di Jabatan Arah KAGAT diperlukan selaras dengan keperluan tugas pentadbiran dan dakwah semasa yang kini di dalam arus "*Information Communication Technology*" (ICT). Melalui penstrukturkan terkini Jabatan Arah KAGAT, unit tersebut telah ditubuhkan secara rasmi bagi memikul tugas dalam bidang pembangunan ICT Jabatah Arah KAGAT. Antara peranan unit ini ialah

menambah input maklumat KAGAT ke dalam portal internet Markas ATM, mengemaskini laman web Masjid Khalid Ibnu al-Walid serta mengenal pasti projek IT masjid-masjid ATM

e. ***Penubuhan Unit Kebajikan dan Unit Kaunseling.*** Sel Kemajuan Ahwal Syakhsiah kini mempunyai dua unit baru di bawahnya iaitu Unit Kebajikan dan Unit Kaunseling. Keperluan mewujudkan kedua-dua unit berkenaan telah lama dirasakan memandangkan bebanan tugas sel yang semakin bertambah. Kedua-dua unit mempunyai bidang tugas tersendiri di mana Unit Kebajikan bertanggungjawab dalam perancangan, pengurusan perkara berkaitan hal ehwal kebajikan anggota ATM dan keluarga mereka serta KAGAT. Merangkumi soal pengurusan doa dan kematian, penyelaras program keraian serta kutipan derma untuk anggota. Selain itu ia juga bertanggungjawab terhadap pengurusan Tabung KAGAT dan Pelan Takaful Barakah KAGAT. Manakala Unit Kaunseling bertanggungjawab dalam pengurusan kaunseling terhadap kes-kes nikah, cerai rujuk dan lain-lain masalah keluarga anggota ATM dan pengurusan hal-ehwal Badan Kebajikan Isteri ATM dan KAGAT (BAKAT ATM serta BAKAT KAGAT). Unit tersebut juga bertanggungjawab melaksanakan program kursus, seminar mahupun bengkel untuk persediaan anggota ATM yang bakal dan telah berkahwin serta untuk kesejahteraan hidup berkeluarga. Selain itu, unit ini juga dipertanggungjawabkan terhadap pengurusan Hal Ehwal Wanita (HELWA) KAGAT.

3.8 MISI, VISI DAN OBJEKTIF KAGAT

Penubuhan KAGAT mempunyai Misi dan Visi serta objektif yang ingin dicapai seperti berikut:¹⁰¹

a. Visi

Menjadi sesebuah organisasi dakwah ATM yang berkualiti, seimbang dan berkesan.

b. Misi

Membantu ATM meninggikan tahap profesionalisme menerusi pendidikan Islam serta memberi khidmat keagamaan kepada seluruh warga ATM.

3.8.1 Objektif Umum

- a. Menjadikan KAGAT lebih professional terkini dan global melalui penstrukturran serta perancangan yang mantap dan bersistematik.
- b. Membina sumber manusia yang professional, progresif, komprehensif, berketrampilan dan mempunyai kredibiliti.
- c. Memberi pengetahuan, kefahaman, bimbingan dan kesedaran ke arah penghayatan ajaran Islam yang sejati kepada warga ATM.
- d. Membangun, mentadbir dan mengurus hal ehwal masjid/dan surau ATM.

101 Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (2005), *Di Persada kegemilangan*, KEMENTAH, Kuala Lumpur, h.25. Lihat juga Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (1997), *Manual: Etika dan Prosidur Pelaksanaan Tugas*, KEMENTAH, Kuala Lumpur, h 429.

- e. Memberi perkhidmatan keagamaan merangkumi khidmat nasihat kekeluargaan, kebajikan dan kemasyarakatan.
- f. Membuat kajian ilmiah dan umum ke arah pemantapan dan keagamaan dalam ATM.
- g. Menyediakan bahan-bahan cetak dan multimedia sebagai sumber rujukan dalam ATM.
- h. Mempertingkatkan keupayaan KAGAT melalui perolehan dan pengurusan anggota¹⁰² aturcara dan logistik serta pembangunan infrastruktur dengan lebih efektif dan efisien.

3.8.2 Peranan Dan Fungsi Kagat Dalam ATM

Peranan KAGAT sangat luas kerana fungsi KAGAT adalah sebagai sebuah kor yang bertanggungjawab terhadap segala hal ehwal keagamaan Islam dalam organisasi ATM dan keluarga mereka. Ia boleh diklasifikasikan seperti berikut:¹⁰³

a. Fungsi dan Peranan Dalam Masa Aman

- 1. Menentukan keperluan ATM terhadap pengurusan dan pentadbiran hal ehwal agama Islam dilaksanakan dengan sempurna mengikut apa yang telah:
 - a. Dijadikan dasar oleh kerajaan.
 - b. Ditetapkan oleh agama itu sendiri.

¹⁰² Briged Jeneral Dato' Abdul Hamid Zainal Abidin, *Penerapan Nilai Islam dalam Angkatan Tentera Malaysia, Dimana Bermula dan Kemana Penyudah*. Koleksi kertas kerja yang dibentangkan di dalam seminar dan kolloquium Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), h.75

¹⁰³ Arahan Pentadbiran Kor Agama Angkatan Tentera, Arahan Pentadbiran No. 6, h. 2.

- c. Diperuntukkan di bawah perundangan-perundangan Islam.
- 2. Menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan.
- 3. Membantu anggota tentera yang beragama Islam mempertingkatkan semangat¹⁰⁴ keberanian, cekal hati dan yakin diri melalui ciri-ciri yang terkandung dalam Islam.
- 4. Menyelesaikan masalah yang berkaitan akidah Islam, akhlak dan kekeluargaan masyarakat Islam ATM.
- 5. Menasihatkan Pegawai Memerintah berhubung aspek agama dalam pentadbiran tentera.
- 6. Mencegah perlakuan jenayah berkaitan perundangan Islam dan sebaran ajaran sesat serta menyeleweng dari agama Islam.
- 7. Memberi khidmat agama yang diperlukan dari semasa ke semasa bagi seluruh warga ATM dan keluarga yang merangkumi:
 - a. Keperluan ibadah.
 - b. Pengurusan nikah kahwin dan moral.
 - c. Pengurusan jenazah, upacara dan majlis agama.
 - d. Kutipan zakat fitrah.
 - e. Pengendalian kelas-kelas bimbingan keagamaan.
 - f. Nasihat keagamaan.
- 8. Keperluan fardhu ain dan fardhu kifayah bagi warga Islam ATM.

¹⁰⁴ Leftenan Kolonel Abdul Rahim Awang, *Cita-cita dan harapan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) : Penekanan kepada Pembinaan Tentera menurut Islam*. Koleksi kertas kerja yang dibentangkan di dalam seminar dan kolloquium Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), h.99.

9. Menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan organisasi agama di peringkat pusat dan negeri serta lain-lain institusi agama yang menjadi keperluan.
10. Membimbing anggota saudara baru ATM bagi mempraktikkan Islam dalam kehidupan.
11. Menjadi sumber rujukan ATM dalam perkara-perkara berkaitan agama Islam dan ketenteraan Islam.

b. Fungsi dan Peranan Semasa Darurat

1. Membantu ATM dan kerajaan menguruskan pentadbiran dan khidmat hal ehwal agama Islam yang diperlukan dalam keadaan tersebut.
2. Memberi tumpuan tugas lepada tugas-tugas penting yang diarah dan diperlukan oleh ATM dan negara dalam keadaan tersebut.

c. Fungsi dan Peranan Semasa Perang

1. Mengurus dan mengendalikan keperluan-keperluan Ibadah di medan.
2. Mentadbir hal-ehwal agama Islam dalam kaedah perang bagi ATM dan juga negara.

3.8.3 Kagat Di Arus Perdana

Setelah dua puluh lima tahun berlalu, prestasi tugas KAGAT semakin diyakini dan membanggakan, KAGAT telah lahir sebagai sebuah kor serta organisasi agama yang dinamik, profesional dan progresif.¹⁰⁵ Peranan dan sumbangan KAGAT kini bukan sahaja terhad di dalam ATM sebaliknya telah menjangkau ke peringkat nasional dan antarabangsa. Pengiktirafan peranannya sehingga ke peringkat nasional dan antarabangsa sungguh memberangsangkan. Dari hari ke hari semakin banyak pihak telah memperakui sumbangannya dan seboleh mungkin cuba bekerjasama dengan KAGAT dalam melaksanakan tugas dan menjayakan organisasi mereka.¹⁰⁶

a. Penglibatan KAGAT Peringkat Nasional

Peranan KAGAT di peringkat nasional semakin dirasai, KAGAT telah dilibatkan sebagai ahli kepada beberapa jawatankuasa serta panel peringkat kebangsaan. Antaranya ialah:

- a. Ahli Jawatankuasa Persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama Islam Malaysia.
- b. Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- c. Ahli Suruhanjaya Penambahbaikan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

105 Lettenan Kolonel Kamarulzaman Ismail, *Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dan profesionalisme Ketenteraan, "Budaya dan Norma Kerja"*, Koleksi kertas kerja yang dibentangkan di dalam seminar dan kolloquium Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), h.59.

106 Risalah keluaran Khas Sempena HUT KAGAT ke-25, "Kor Agama Angkatan Tentera Di Arus Perdana", Kuala Lumpur: Unit Jabatan Arah KAGAT 2010.

- d. Ahli Jawatankuasa Pemandu Menangani Ajaran Sesat Peringkat Kebangsaan (JAPAS).
- e. Ahli Jawatankuasa Penyelarasan Penyelidikan Islam Kebangsaan (JAPPIS).
- f. Ahli Jawatankuasa Agensi Dadah Kebangsaan.
- g. Ahli Panel Forum Ehwal Islam.
- h. Sekretariat Penyelaras Islam Hadhari Kebangsaan mewakili Kementerian Pertahanan.

Selain itu, semakin ramai pegawai dan anggota KAGAT telah dilantik sebagai Delegasi Petugas Kebajikan Tabung Haji di bawah pentadbiran Lembaga Urusan Tabung Haji Malaysia (LUTH), pada setiap musim haji bagi membantu pihak LUTH menguruskan Jemaah Haji Negara. KAGAT juga turut melibatkan diri dalam membantu Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan Pasukan Penyelamat Malaysia (SMART) dalam mengendalikan kelas serta program keagamaan bagi peserta program tersebut.¹⁰⁷

b. Penglibatan KAGAT Peringkat Antarabangsa

Selain dari melaksanakan tugas-tugas keagamaan pasukan, anggota KAGAT terlibat secara langsung melaksanakan tugas dan aktiviti rejimental pasukan sebagaimana anggota tentera dari kor-kor lain.¹⁰⁸ Dalam konteks tersebut mereka juga terlibat dengan penugasan ketenteraan di luar negara dengan menyertai misi dan aktiviti berikut:

¹⁰⁷ Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (2000), *Buletin At-Tajdid*, Kementerian Pertahanan (KEMENTAH), Kuala Lumpur, h 10.

¹⁰⁸ Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (1997), *Manual: Etika dan Prosedur Pelaksanaan Tugas*, Kementerian Pertahanan (KEMENTAH), Kuala Lumpur, h 432.

- a. Misi Penugasan di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Namibia, Kemboja, Somalia dan Bosnia.
- b. Misi Penugasan Bantuan Kemanusiaan (MALMEDTIM) di Afghansatan.
- c. Misi Bantuan Kemanusiaan Aceh, Penugasan bersama pasukan-pasukan ATM yang bertugas di luar negara (bergantung kepada permintaan pasukan).
- d. Misi Pertukaran Pegawai dengan Angkatan Tentera Negara Luar di Indonesia.
- e. Bantuan Khidmat Jurulatih Kaunseling kepada Angkatan Tentera Brunei (ATB).
- f. Bantuan Kejurulatihan Imam bagi Angkatan Tentera Bosnia.
- g. Khidmat nasihat kepada Angkatan Tentera Brunei (ATB) dalam menubuhkan Bahagian Agama di ATB.
- h. Di sudut aktiviti, anggota KAGAT terlibat sebagai pengurus anggota dan mewakili ATM di dalam acara Tilawah Angkatan Tentera Negara-Negara OIC dan Penyertaan Hafazan Al-Quran Liga Arab.
- i. Pembentang Kertas Kerja di Multaqa Ulama Sedunia (World Conference of Islamic Scholars).